زبد القواعد الفقهية

KAEDAH-KAEDAH FIQH PILIHAN

OLEH:

SYEIKH MUHAMMAD NURUDDIN MARBU AL-BANJARI AL-MAKKI

بسم الله الرحمن الرحيم

قال الله تعالى:

﴿ ۞ وَمَا كَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا۟ كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا۟ فِى ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُوا۟ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾ ﴾

قال رسول الله ﷺ:

"مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ، وَإِنَّمَا أَنَا قَاسِمٌ وَاللهُ يَعْطِي". (متفق عليه)

زُبْدَةُ الْقَوَاعِدِ الفِقْهِيَّةِ

قاعده٢ فقه ڤيليهن

اعداد

محمد نور الدين مربو البنجري المكي

Buku "*Terjemahan Zubdah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*" ini ialah hasil terjemahan saudara Ashafizrol bin Ab Hamid Abdullah dari buku asalnya yang berjudul *Zubdah al-Qawaid al-Fiqhiyyah* oleh Tuan Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki.

Cetakan 2007

Diterbitkan oleh:

PUSTAKA DARUSSALAM SDN. BHD. (300659 K)
No. 956, Kompleks Peruda, Jalan Sultan Badlishah,
05000 Alor Star, Kedah Darul Aman.
Tel: 604-7335724 Faks: 604-7346788
Email: pdrsalam@yahoo.com.my
Website: **www.pdsalam.com**

ALUAN PENERBIT

الْحَمْدُ للهِ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَالاَهُ... وَبَعْدُ

Saya amat gembira kerana pihak kami sekali lagi berjaya – *Alhamdulillah*- menerbitkan sebuah bahan ilmu untuk menjadi santapan rohani para peminat ilmu-ilmu Islam. Buku ini ditulis oleh seorang tokoh terkenal di Nusantara pada masa kini, iaitu Tuan Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari a-Makki yang berjudul "*Zubdah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*". Melihatkan buku tersebut ditulis dalam Bahasa Arab, dan atas kesedaran ramai dari pencinta ilmu agama yang tidak memahami Bahasa tersebut, maka pihak Pustaka Darussalam mengambil anisiatif menterjemahkan buku tersebut ke dalam Bahasa Melayu.

Dengan itu, besar harapan saya agar buku sebegini dapat dimanfaatkan bersama. Moga Allah SWT memberkati usaha ini.

Yang Benar,

....

(USTAZ ABDUL HADI B. AWANG)
Pengarah Urusan
Pustaka Darussalam Sdn. Bhd.

ISI KANDUNGAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا

قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا ﴿٧٤﴾

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه أجمعين، وبعد:

فهذه مجموعة من القواعد الفقهية التي يتخرج عليها مئات المسائل الفرعية، أقّدمها لأحبابنا المشاركين فى "الدورة السنوية" التي تعقد فى "مؤسسة البخاري" بألور ستر قدح، دارالأمان.

والغرض من تقديمها إِلقَاء ِفكرَةٍ حول الموضوع، وتَزْوِيدُ المشاركين بتلك القواعد الهامة والتي تقال بين حين وآخر وتكمن فى طيات الكتب الشرعية.

وسأكتفى بإيراد ثلاثة أمثلة من المسائل المتخرجة من كل قاعدة، والله أسأل أن ينفع بها ويثيب جامعها بالحسنى وزيادة.

وصلى الله على سيدنا محمد النبي الأكرم وعلى آله وصحبه وسلم.

بوقور، ١٠/٤/٢٠٠٧م

محمد نورالدين مربو البنجري المكي

MUKADDIMAH

Himpunan kaedah-kaedah yang terbentuk daripadanya ratusan masalah fekah ini saya persembahkan kepada para Peserta Kursus tahunan yang diadakan di Masjid Bukhari Alor Star, Kedah Darul Aman.

Tujuan menerbitkan karya ini adalah untuk memberi gambaran umum berhubung topik perbahasan. Antara lainnya lagi ialah menambahkan maklumat peserta berkaitan kaedah-kaedah penting yang sering diperkatakan dan terselit di celahan kitab-kitab syarak.

Saya hanya menyebut tiga contoh masalah yang terbentuk dari setiap kaedah. Allah S.W.T jua ku pohon agar buku ini dapat dimanfaatkan, dan memberi ganjaran paling baik dan lebih kepada pengumpulnya.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Saidina Muhammad, Nabi yang paling Mulia, dan ke atas keluarga dan para sahabatnya.

Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari
11 April 2007

المبحث الأول

فى تعريف القواعد الفقهية ومصدرها

القواعد: جمع قاعدةٍ، وهى لغةً بمعنَ الأَسَاس، وَاصطِلاَحًا: هي أمر كلي ينطبق على جميع جُزْئياتِه غالبا.

قال فى "الدر": فالقواعد الفقهية هي أصول فقهية كلية فى نصوص موجزة دستورية، تتضمن أحكاما تشريعية عامة، فى الحوادث التى تدخل تحت موضوعها.

وتمتاز القاعدة بمزيد الإيجاز فى صياغتها، على عموم معناها، وسعة استيعابها للفروع الفقهية، وبمعرفتها يَسْتَطِيعُ الإنسان أن يتعرف على أحكام الحوادث التى لا نص عليها فى الكتاب والسنة والإجماع.

ومصدر القاعدة الفقهية قد يكون نصا من كتاب، كما هى الحال فى قاعدة: "الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيْرَ"، مَصْدَرُهَا قوله تعالى: ﴿**وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى الدِّيْنِ مِنْ حَرَجٍ**﴾ (سورة الحج: ٧٨)، أو سنة، كقاعدة: "**الأُمُوْرُ بِمَقَاصِدِهَا**" فإن مصدرها الحديث الصحيح: "**إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ**".

PERBAHASAN PERTAMA

Perkataan *Qawaied* adalah jamak kepada perkataan *qaedah*. Dari sudut bahasa ia bererti asas sesuatu. Sementara dari segi istilah ialah suatu perkara umum yang lazimnya diaplikasikan terhadap kesemua bahagian-bahagian tertakluk dengannya.

Menurut apa yang dijelaskan di dalam kitab *"al-Durar"*: *Qawaied fiqhiyyah* ialah prinsip-prinsip fekah yang bersifat umum, berbentuk teks-teks ringkas serta dusturikal, menghimpunkan hukum-hukum syarak yang umum, berhubung kes-kes yang terkandung di dalam pembicaraannya.

Kaedah-kaedah fekah ini terkenal dengan bentuknya yang ringkas dan padat. Skop sasarannya luas mencangkupi cabang-cabang masalah fekah. Dengan menguasainya, seseorang dapat mengenal pasti beberapa hukum yang tidak dinyatakan secara khusus di dalam Quran, Sunnah dan Ijmak Ulama.

Sumber kaedah fekah adakalanya berasaskan al-Quran seperti kaedah "**kesukaran membawa kemudahan**". Sumbernya ialah firman Allah S.W.T: "*Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama*". (Surah al-Hajj: 78)

Atau berasaskan Sunnah seperti kaedah: "**setiap perkara itu tertakluk kepada tujuannya**". Sumbernya ialah hadis sahih: "*Hanyasanya amalan-amalan itu diambil kira dengan adanya niat*".

وقد تكون القاعدة مستنبطة من نَص شَرعِي، كقاعدة: "الْيَقِيْنُ لاَ يُزَالُ بِالشَّكِّ" فإنه مستنبطة مِن حديث: "إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ فِى بَطْنِهِ شَيْئًا فَأُشْكِلَ عَلَيْهِ أَخَرَجَ مِنْهُ شَيْءٌ أَوْ لاَ؟ فَلاَ يَخْرُجَنَّ مِنَ الْمَسْجِدِ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيْحًا". (رواه مسلم)

Dan ada juga kaedah yang diterbitkan daripada nas syarak seperti kaedah: "**yakin tidak boleh dihilangkan dengan sebab rasa ragu**". Ianya hasil pengamatan ulama terhadap hadis: "*apabila seseorang kamu merasakan sesuatu di dalam perutnya, kemudian timbul keraguan dengan sebabnya; apakah keluar sesuatu daripadanya ataupun tidak? Janganlah sesekali ia keluar daripada masjid sehingga ia mendengar suara atau mencium bau (ia mendapati ada bukti batal wudhuknya).* (diriwayatkan oleh Muslim, daripada Abu Hurairah).

المبحث الثاني

في القواعد الخمس السنية التي ترجع إليها جميع المسائل الفقهية:

القاعدة الأُوْلَى:

"الأُمُوْرُ بِمَقَاْصِدِهَا"

وأصل هذه القاعدة قوله ﷺ: "إِنَّمَا الأَعْمَاْلُ بِالنِّيَّاْتِ"، وهذا حديث صحيح مَشْهُورٌ أخرجه الأئمة السِتَّة وَغَيْرُهُم.

وتَنْدَرِجُ تَحْتَ هذه القاعدة ما لا يحصى من المسائل من جميع الأبواب، فمن ذلك ربع العبادات بكمالها، كالوضوء والْغُسْلُ والتيمم وغيرها، والعقودِ مثل كنايات البيع والهبة والوقفُ، وفى القصاص مسائل كَثِيرَةٌ، مِنْهَا: تَمْيِيْزُ العَمْد وَشِبْهه مِنَ الخَطَأ، ومنها: إذا قتل الوكيل فى القِصَاص، إن قصد قتله عن الموكِّل، أو قَتْلِهِ بشَهْوَةِ نَفْسِهُ، وَفِي الرِدَّةِ، وفى السرقة فيما إذا أخذ آلات الملاهي بقصد كسرها، أو إشْهارِهَا، أو بقصد سرقتها. والله أعلم.

PERBAHASAN KEDUA

Lima kaedah asas yang menjadi rujukan kesemua masalah-masalah fekah

KAEDAH ASAS 1:

SETIAP PERKARA BERGANTUNG KEPADA TUJUANNYA

Kaedah tersebut bersasaskan sabda Rasulullah S.A.W: *Hanyasanya amalan-amalan itu diambil kira dengan adanya niat*". Hadis ini sahih dan masyhur dikeluarkan oleh keempat-empat imam dan lainnya.

Banyak masalah-masalah dari setiap bab yang bilangannya tidak terkira telahpun terentuk di bawah kaedah ini. Antaranya satu perempat ibadat seperti wudhuk, mandi, tayammum dan lain-lain lagi. Akad dan kontrak seperti *kinayat* juah beli, hibah, dan wakaf. Berkaitan *qisas* seperti membezakan perbuatan pembunuhan sengaja, separuh sengaja, dan tidak sengaja. Antara masalahnya ialah: Wakil membunuh dalam masalah *qisas* samada membunuh kerana tanggungjawab ia diwakil untuk membunuh atau kerana kehendak dirinya sendiri, dalam masalah *riddah*, mencuri alat-alat melalaikan samada dengan niat mematahkannya, atau memasyhurkannya, atau dengan niat mencurinya.

القاعدة الثانية:

"الْيَقِيْنُ لاَ يُزَالُ بِالشَّكِّ"

وأصلها قوله ﷺ: "إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ فِي بَطْنِهِ شَيْئًا فَأُشْكِلَ عَلَيْهِ أَخَرَجَ مِنْهُ شَيْءٌ أَوْ لاَ؟ فَلاَ يَخْرُجَنَّ مِنَ الْمَسْجِدِ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيْحًا".(رواه مسلم عن أبي هريرة – رضى الله عنه).

وعن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال: قال لي رسول الله ﷺ: "إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلاَتِهِ، فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى، أَثَلاَثًا أَمْ أَرْبَعًا؟ فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ، وَلِيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ". (رواه مسلم).

ويندرج فى هذه القاعدة عدة قواعد:

١. الأَصْلُ بَقَاءُ مَا كَانَ عَلَى مَا كَانَ

فمن أمثلتها: من تيقن الطهارة، وشك فى الحدث، فهو متطهر، أو تيقن فى الحدث وشك فى الطهارة، فهو محدث.

أَكَلَ آخِرَ اللَيْلِ وشكَّ فى طلوع الفَجر، صح صومه، لأن الأصل بقاء الليل. شك فى الطاهر المغير للماء، هل هو قليل، أو كثير؟ فَالْأَصل بَقَاء الطهورية.

KAEDAH ASAS 2:

<u>YAKIN TIDAK BOLEH DIHILANGKAN DENGAN SEBAB RAGU</u>

Asalnya kaedah ini diambil daripada sabda Nabi S.A.W: "*Apabila seseorang kamu merasakan sesuatu di dalam perutnya, kemudian timbul keraguan dengan sebabnya; apakah keluar sesuatu daripadanya ataupun tidak? Janganlah sesekali ia keluar daripada masjid sehingga ia mendengar suara atau mencium bau (ia mendapati ada bukti batal wudhuknya).*" (Diriwayatkan oleh Muslim, daripada Abu Hurairah).

Daripada Abi Said al-Khudri RA, beliau berkata: Baginda Rasulullah S.A.W. bersabda kepadaku: "*Apabila seseorang kamu ragu ketika ia bersembahyang, ia tidak pasti berapa rakaatkah yang telah ia lakukan, tiga atau empat, hendaklah ia ketepikan rasa ragu tersebut dengan keyakinan dengan berpegang kepada apa yang menyakinkan*". (Diriwayat oleh Muslim).

Di antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Asalnya ialah kekal sesuatu itu berada dalam keadaan asalnya

Antara contohnya ialah:

1. Seseorang yang yakin suci, dan ragukan hadas, maka ia dikira suci.
2. Seseorang yakin hadas, dan ragukan suci, maka ia dikira berhadas.
3. Seseorang makan di penghujung malam, dan ragukan terbitnya fajar, maka puasanya sah kerana pada asalnya malam itu masih berbaki.
4. Seseorang ragu berhubung sesuatu yang suci telah merubahkan sifat air, adakah air itu sedikit ataupun banyak, maka air itu kekal dengan keadaan asalnya, iaitu suci.

٢. الأَصْلُ بَرَاءَةُ الذِّمَّةِ

ومن أمثلتها: اختلفا فى قيمة الْمُتْلَف، حيث تجب قيمته على مُتْلِفِه، كالمستعير، والغاصب، والمودع المتعدي، فالقول قول الغارم، لأن الأصل براءة ذمته مما زاد.

توجَّهَتِ اليمين على الْمُدَّعَى عليه فَنكَلَ، لا يقضى بمجرد نكوله، لأن الأصل بَرَاءَةُ ذِمَّتِه، بل تعرض على الْمُدَّعِي.

مِن صيغ القَرْضِ: مَلَّكْتُكَهُ على أن ترد بدله، فلو اختلفا فى ذكر البدل، فالقول قول الآخذ، لأن الأصل براءة ذمته.

٣. مَنْ شَكَّ: هَلْ فَعَلَ شَيْئًا أَوْ لاَ؟ فَالأَصْلُ أَنَّهُ لَمْ يَفْعَلْهُ

ومن أمثلتها: شك فى ترك مأمور فى الصلاة، سجد للسهو، أو ارتكاب فعل منهي فلا يسجد، لأن الأصل عدم فعلهما.

شك فى أثناء الوضوء، أو الغسل، أو غيرهما من العبادات فى ترك ركن، وجب إعادته.

شك: هل طَلَقْ واحدة أو أكثر، بنى على الأقل.

2. Asalnya ialah bebas dari tanggungjawab

1. Dua orang berselisih berhubung ganti rugi sesuatu yang rosak, maka kewajipan ganti rugi pada ketika itu jatuh ke atas orang yang merosakkannya, seperti peminjam dan perampas.
2. Seseorang yang didakwa dituntut supaya bersumpah, lalu ia enggan bersumpah, maka ia tidak akan dihukum hanya kerana keengganannya bersumpah. Perkara tersebut kerana pada asalnya ia bebas dari tanggungjawab bersumpah, sebalik yang mesti bersumpah ialah pendakwa.
3. Seseorang berkata: Saya berikan kepada anda hak pemilikan ini dengan syarat kamu kembalikan ganti-balasnya. Jika mereka berdua berselisih berhubung sebutan ganti-balas, maka kenyataan yang dipakai ketika itu ialah kenyataan si yang mengambil, kerana pada asalnya ia bebas dari tanggungjawab itu.

3. Siapa yang meragui; adakah ia melakukan sesuatu ataupun tidak? Maka pada asalnya ia tidak melakukan

1. Seseorang ragu berhubung meninggalkan sesuatu yang diperintah dalam solat, maka sewajarnya ia sujud *sahwi*, kerana pada asalnya ia tidak melakukan.
2. Seseorang ragu berhubung melakukan perkara yang dilarang di dalam solat, maka ia tidak perlu sujud *sahwi*, kerana pada asalnya ia tidak melakukan.
3. Seseorang ragu meninggalkan satu rukun ketika berwudhuk, mandi atau ketika melakukan ibadat-ibadat lain, maka wajib ia mengulanginya semula.
4. Seseorang ragu, samada ia menjatuhkan satu talak atau lebih, maka dikira kepada yang paling sedikit.

٤. الأَصْلُ الْعَدَمُ

ومن أمثلتها: القول قول نافى الوطء غالبا، لأن الأصل العدم. لو اختلفا فى قدم العيب، فأنكره البائع، فالقول قوله، لأن الأصل عدمه فى يد البائع، أو لأنه الأصل لزوم العقد.

أكل طعام غيره، وقال: كنت أبحته لي، وأنكر المالك، صدق المالك، لأن الأصل عدم الإباحة.

٥. الأَصْلُ فِى كُلِّ حَادِثٍ تَقْدِيْرُهُ بِأَقْرَبِ زَمَنٍ

ومن أمثلتها: رأى فى ثوبه منيا ولم يذكر احتلاما، لزمه الغسل على الصحيح، قال فى الأم: "وتجب إعادة كل صلاة صلاها من آخر نومة نامها فيه".

ضرب بطن حامل فانفصل الولد حيا، وبقى زمانا بلا ألم ثم مات، فلا ضمان، لأن الظاهر أنه مات بسبب آخر.

توضأ من بئر أياما، وصلى، ثم وجد فيها فأرة، لم يلزمه قضاء إلا ما تيقن أنه صلاة بالنجاسة.

4. Pada asalnya tiada

1. Lazimnya kenyataan yang diterima-pakai ialah kenyataan orang yang menafikan bersetubuh, kerana asalnya ialah tiada persetubuhan.
2. Jika dua orang berselisih berhubung kecacatan yang terdapat pada sesuatu barang yang telah selasai peroses jual-beli, maka kenyataan yang diterima-pakai ialah kenyataan si penjual, kerana pada asalnya tiada.
3. Seseorang memakan makanan orang lain dan berkata: Anda pernah mengharuskannya kepada saya, sedang si pemilik menafinya. Maka yang diterima-pakai ialah kenyataan pemilik, kerana asalnya tidak mengharuskan.

5. Asalnya ialah mengandaikan setiap sesuatu yang berlaku itu kepada masa yang paling terdekat

1. Seseorang terlihat air mani di pakaiannya, tetapi ia tidak ingat mana-mana mimpi, maka ketika itu wajiblah ia mandi mengikut *qaul* yang *sahih*. Di dalam kitab *Umm* Imam Syafie menjelaskan: "Wajib dia mengulangi setiap sembahyang yang dilakukannya bermula dari tidurnya yang terakhir.
2. Seseorang memukul perut wanita mengandung, lalu terkeluar seorang bayi dalam keadaan masih bernyawa. Bayi itu kekal bernyawa buat seketika tanpa sakit, kemudian mati. Maka dalam kes ini, tiada ganti rugi dikenakan, kerana pada zahirnya ia mati dengan dengan sebab lain.
3. Seseorang berwudhuk di sebuah perigi beberapa hari, dan sembahyang dengan wudhuk itu. Kemudian dia dapati ada seekor tikus di dalam perigi tersebut, maka ia tidak diwajibkan mengulangi solatnya melainkan solat yang ia yakin ianya didirikan dalam keadaan ia bernajis.

٦. الأَصْلُ فِى الأَشْيَاءِ الإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيْلُ عَلَى التَّحْرِيْمِ

ومن أمثلتها: الحيوان المشكل أمره، وفيه وجهان: أصحهما الحل. النبات المجهول تسميته، قال المتولى: يحرم أكله، والمعتمد الحل.

لو شك فى كبير الضبة، فالأصل الإباحة.

٧. الأَصْلُ فِى الأَبْضَاعِ التَّحْرِيْمِ

فإذا تقابل فى المرأة حل وحرمة غلبت الحرمة،

الإجتهاد فيما إذا اختلطت محرمة بنسوة قرية محصورات، لانه ليس أصلهن الإباحة، وإنما جاز النكاح فى صورة غير المحصورات رخصة من الله، لئلا ينسد باب النكاح عليه.

6. Asal setiap sesuatu itu harus sehinggalah datangnya dalil menunjukkannya haram

1. Binatang yang statusnya tidak jelas, maka di situ ada dua *wajah*; yang paling *sahih*nya ialah halal.
2. Tumbuhan yang namanya tidak dikenali. Kata Mutawalli: Haram memakannya. Dan yang *mu'tamad* ialah halal.
3. Jika seseorang ragu berhubung *dhab* yang besar, maka pada asalnya ialah harus.

7. Asal berhubung faraj wanita itu adalah haram

1. Jika bertembung halal dan haram pada seorang perempuan, maka dikira haram. Oleh sebab itulah, jika seorang perempuan yang haram dinikahi (*mahram*) bercampur-aduk dengan sekumpulan perempuan *ajnabi* yang boleh dikira bilangan mereka, maka ketika itu tidak dibolehkan berijtihad, yakni membuat keputusan menentukan salah seorang mereka sebagai calon isteri. Tetapi jika bilangan perempuan *ajnabi* itu tidak dapat dikira, maka ketika itu harus menikahi mana-mana perempuan yang dilihatnya sesuai.

٨. الأَصْلُ فِى الْكَلاَمِ الْحَقِيْقَةُ

ومن أمثلتها: لو حلف لا يبيع ولا يشترى، فوكل غيره فى ذلك، لم يَحْنَثْ حملا للفظ على الحقيقة.

لو حلف لا يبيع، أو لا يشترى، أو لا يستأجر، أو نحو ذلك، لم يحنث إلا بالصحيح دون الفاسد.

لو قال: وقفت على حفاظ القرآن، لم يدخل فيه من كان حافظا ثم نسيه.

القاعدة الثالثة:

"الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيْرَ"

الأصل فى هذه القاعدة قوله تعالى: ﴿يُرِيْدُ اللهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلاَ يُرِيْدُ بِكُمُ الْعُسْرَ﴾. وقوله تعالى: ﴿وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى الدِّيْنِ مِنْ حَرَجٍ﴾. وقوله ﷺ: "بُعِثْتُ بِالْحَنِيْفِيَّةِ السَّمْحَةِ". (رواه الإمام أحمد)

8. Asal berhubung kalam (ucapan) itu adalah maksud zahirnya

1. Jika seseorang bersumpah tidak akan menjual dan membeli, kemudian ia mewakilkan seseorang untuk menjual atau membeli, maka dia tidak dikira telah melanggar sumpah melihat kepada zahir ucapannya. (Dia berkata saya tidak akan membeli, sedang apa yang dibuatnya ialah mewakilkan orang lain supaya membeli).
2. Jika seseorang bersumpah untuk tidak menjual, membeli, dan menyewa atau sebagainya, maka ia tidak dikira melanggar sumpah sekiranya *akad* jual beli atau sewaan itu adalah *akad fasid* (yakni akad yang tidak sah). Tetapi jika akad itu sah maka ia dikira sebagai telah melanggar sumpah.
3. Jika seseorang berkata: "Saya wakafkan kepada penghafal al-Quran". Maka tidak termasuklah orang yang menghafal kemudian lupa hafalannya.

KAEDAH ASAS 3:

KESULITAN MENGHASILKAN KEMUDAHAN

Asal-usul kaedah ini ialah firman Allah S.W.T.: "*Allah mahukan kemudahan untuk kamu, Dia tidak mahukan kesukaran*"

Firman Allah: "*Allah tidak jadikan untuk kamu di dalam agama apa-apa kesusahan*"

Sabda Nabi S.A.W.: "*Aku diutuskan dengan agama yang suci lagi bertolak-ansur*". (Riwayat Imam Ahmad).

قال العلماء: يتخرج على هذه القاعدة جميع رخص الشرع وتخفيفاته. وأسباب التخفيف فى العبادات وغيرها سبعة:

١. السفر، ورخصة كثيرة، كالجمع والقصر والفطر.

٢. المرض، ورُخّصَه لا تحصى، كالتيمم والإيماء والإستنابة.

٣. الإكْرَاه، فيباح للمكره التلفظ بكلمة الكفر وشُرْبُ الخَمَر وشُرْبُ البَولْ.

٤. النسيان، كالأكل فى الصلاة والصوم، والجماع فى الصوم.

٥. الجهل بالحكم، فإذا أتى بمفسد للعبادة جاهلا بالحكم، وكان ممن يعذر بجهله، كأن كان قريب عهد بالإسلام، أو بعيدا عن العلماء، أو كان الذي يفعله مما يخفى حكمه على مثله، ففى هذه الحالة يعذر بجهله.

٦. العُسُرْ وعموم البلوى، كالصلاة مع النجاسة المعفو عنها كدم القروح والدمامل والبراغيث، ومشروعية الاِستِجْمَارْ، وإباحة الاستقبال والاستدبار فى قضاء الحاجة فى البنيان.

٧. النَقْصُ، فإنه نوع من المشقة، إذ النفوس مجبولة على حب الكمال، فناسبه التخفيف فى التكليفات، كعدم تكليف الصبي والمجنون، وعدم تكليف النساء بكثير مما يجب على الرجال، كالجماعة والجمعة والجهاد ونحوها.

Kata Ulama: Dari kaedah inilah terbentuknya pelbagai *ruksah* syarak dan keringannya. Terdapat tujuh perkara yang menjadi punca keringanan di dalam ibadat dan lainnya:

1. Musafir; seperti kemudahan melakukan solat jamak, qasar dan berbuka puasa sebelum tiba waktunya.
2. Sakit; seperti kemudahan bertayammum, menunaikan solat dengan gerakan hati dan menggantikan orang lain melaksanakan ibadat haji.
3. Dipaksa; harus untuk orang yang dipaksa mengucap ungkapan kufur, minum arak dan minum air kencing.
4. Lupa; seperti makan semasa menunaikan solat dan puasa, bersetubuh ketika berpuasa.
5. Tidak tahu hukum. Siapa yang melakukan perkara yang membatalkan ketika melaksanakan sesuatu ibadat dalam kes ia tidak mengetahui hukumnya, maka ia dimaafkan kerana tidak tahu. Misalnya dia baru memeluk Islam, jauh dari ulama, atau apa yang dibuatnya adalah perkara yang orang sepertinya tidak tahu, maka dalam kes-kes tersebut dia dimaafkan kerana tidak tahu (*jahil*).
6. Sukar dan sudah menjadi suatu perkara yang tidak dapat dielakkan seperti darah kudis dan bisul. Pensyariatan beristinja', harus mengadap dan membelakangi kiblat ketika membuang air besar atau kecil di dalam binaan.
7. Kekurangan. Ia termasuk di dalam erti kata kesulitan jua. Kerana jiwa manusia secara fitrahnya sukakan kesempurnaan, maka keringanan bersesuaian berhubung hal *taklif*, seperti pengecualian kanak-kanak dan orang hilang akal dari tanggungjawap syarak (*taklif*). Begitu jua dengan pengecualian wanita dari tanggungjawab syarak dalam banyak perkara berbanding lelak, seperti solat jemaah, solat jumuah, jihad dan seumpamanya.

القاعدة الرابعة:

"الضَّرَرُ يُزَاْلُ"

أصلها قوله ﷺ: "لاَ ضَرَرَ وَلاَ ضِرَاْرَ". (رواه مالك والبيهقى والحاكم والدار قطني) وَيَنْبَنِى على هذه القاعدة كثير من أبواب الفقه، قال شيخنا جاد الرب رحمه الله تعالى: وهذه القاعدة من أهم القواعد المشهورة، وَتَسْبِقُهَا قاعدة "الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيْرَ"، وهى مع هذه القاعدة متحدة أو مُتَدَاخِلَةٌ، لأن كل ما ينطبق على "الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيْرَ" داخل فى "الضَّرَرُ يُزَاْلُ".

ويتعلق بهذه القاعدة قواعد:

١. **الضَّرُوْرَاْتُ تُبِيْحُ الْمَحْظُوْرَاْتِ بِشَرْطِ عَدَمِ نُقْصَاْنِهَا عَنْهَا**

ومن ثم جاز أكل الميتة، وإساغة اللقمة بالخمر، والتلفظ بكلمة الكفر للإكراه. وقولنا "بشرط عدم نقصانها عنها" ليخرج مالو كان الميت نبيا، فإنه لا يحل أكله للمضطر.

KAEDAH ASAS 4:

KEMUDHARATAN MESTI DIHAPUSKAN

Asalnya sabda Nabi S.A.W.: "*Tiada kemudharatan dan tiada juga yang memudharatkan*". (Riwayat Malik, Baihaqi, Hakim, dan Dariqthini)

Banyak bab-bab fekah yang terbentuk dari kaedah ini. Menurut guru saya, Syaikh Jad al-Rabb: "Kaedah ini merupakan antara kaedah penting yang begitu terkenal yang ianya didahului oleh kaedah "**kesulitan menghasilkan kemudahan**". Dua kaedah ini saling bertautan, kerana kesemua yang boleh diaplikasikan di bawah kaedah "**kesulitan menghasilkan kemudahan**" boleh juga diaplikasikan di bawah kaedah "**kemudharatan mesti dihapuskan**".

Di sana terdapat beberapa kaedah yang berhubung kait dengan kaedah ini:

1. **Keterdesakan mengharuskan larangan; dengan syarat ia tidak kurang daripadanya.**
    1. Oleh itu, harus memakan bangkai, melarutkan sesuatu yang tercekik dengan arak, dan menyebut perkataan kufur ketika dipaksa.
    2. Disebut "**Dengan syarat ia daripadanya**" bertujuan mengecualikan kes apabila mayat itu adalah seorang Nabi, maka ia tidak halal dimakan oleh orang yang terdesak.

٢. مَاْ أُبِيْحَ لِلضَّرُوْرَةِ يُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا

ومن فروعها: المضطر لا يأكل من الميتة إلا قدر سد الرمق.

ومن استشير فى خاطب واكتفى بالتعريض كقوله: لا يصلح لك، لم يعدل إلى التصريح.

وَلوَ فَصُد أُجْنِبِي اَمْرأة، وجب أن تستر جميع ساعدها، ولا يكشف إلا ما لابد منه للفصد.

2. Sesuatu yang diharuskan kerana keterdesakan ditentukan kadarnya mengikut kadar keterdesakan tersebut.

Antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Seseorang yang terdesak tidak diharuskan memakan bangkai kecuali sekadar yang boleh menampung nyawanya sahaja.
2. Seseorang yang ditanya mengenai prihal si peminang, maka cukuplah sekadar ia berkata: "Dia tidak secocok dengan anda". Tidak perlulah berterus-terang.
3. Jika seorang *ajnabi* mengambil darah seorang perempuan, maka perempuan tersebut wajib menutupi lengannya. Dia tidak boleh mendedah mana-mana bahagian kecuali bahagian yang perlu dalam proses mengambil darah sahaja.

٣. الضَرَرُ لاَ يُزَاْلُ بِالضَّرَرِ

قال العلماء: فهو كعائد يعود على قولهم: "الضرر يزال"، ولكن لا بضرر، لأنه لو أزيل بالضرر لما صدق "الضرر يزال".

ومن فروعها: عدم وجوب العمارة على الشريك. لا يجوز للمضطر أن يأكل طعام مضطر آخر.

لو كانت ضَيِّقَةَ الفرج لا يمكن وطؤها إلا بإفضائها، فَلَيْسَ لَهُ الوطء.

٤. إِذَا تَعَاْرَضَتْ مَفْسِدَتَاْنِ رُوْعِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِارْتِكَاْبِ أَخَفِّهِمَا

ونظيرها: قاعدة "دَرْءُ الْمَفَاْسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَاْلِحِ".

ومن فروعها: وجوب منع التجارة بالمحرمات، من خمر ومخدرات وأصنام، ولو أن فيها أرباحا ومنافع اقتصادية.

منع مالك الدار من فتح نافذة تطل على مَقَرِ نِسَاءِ جَارِهِ. تخليل الشعر فى الطهارة مطلوب، ويكره للمحرم.

3. **Kemudharatan tidak boleh dihapuskan dengan kemudharatan**

Antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Tidak wajib
2. Orang yang terdesak tidak diharuskan memakan makanan orang lain yang terdesak.
3. Jika berlaku kes lubang faraj sempit, di mana ia tidak dapat disetubuhi kecuali selepas dibedah, maka tidak boleh menyebuhinya.

4. **Jika bertembung dua kemudharatan, maka dilihat kepada apa yang lebih memudharatkan dengan memilih kemudharatan yang lebih ringan.**

(Kaedah): "Menolak kemudharatan lebih utama dari meraih kepentingan"

Antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Wajib menghalang perniagaan berasaskan barangan haram seperti arak, dadah dan patung sembahan, walaupun terdapat kepentingan ekonomi di sebaliknya.
2. Menghalang pemilik rumah dari membuka tingkap yang berbetulan dengan ruang yang menjadi tempat bersantai kaum wanita jiran.
3. Menyelat bulu ketika bersuci dituntut, dan makruh untuk orang yang berihram.

٥. الْحَاْجَةُ تُنَزَّلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُوْرَةِ عَامَةً كَاْنَتْ، أَوْ خَاصَّةً

من الأولى: مشروعية الإجارة، والجعالة، والحوالة. ومن الثانية: تضبيب الإناء بالفضة يجوز للحاجة، والأكلُ من الغنيمة فى دار الحرب.

٦. يُتَحَمَّلُ الضَّرَرُ الْخَاصُّ لِدَفْعِ ضَرَرٍ عَامٍ

ومن ثمَّ يُحْجَرُ على الطَّبِيْبِ الجاهِلِ، والمُفْتِي الْمَاجِنِ، والمُفْلِسِ، وإن تضرروا بذلك، دفعا لضررهم عن الجماعة فى أرواحها ودينها وأموالها.

5. Keperluan dikira sebagai keterdesakan, baik umum mahupun khusus

Keperluan Umum: Disyariatnya sewaan, *ju'alah*, dan *hiwalah*. Keperluan khusus: Menampal bekas makanan atau minuman menggunakan perak harus sekiranya perlu, dan haru memakan hasil *ghanimah* (harta rampasan perang) di negara perang.

6. Menanggung kemudharatan khusus bertujuan menolak kemudharatan umum

Oleh sebab itulah ditegahnya doktor perubatan jahil, mufti yang bersikap tidak serius, dan orang muflis dari membelanjakan harta sekiranya mereka akan jatuh ke dalam kemudharatan lantaran dari berbuat demikian. Perkara tersebut kerana menghindari kemudharatan mereka dari orang ramai, dari segi nyawa, agama dan harta.

القاعدة الخامسة:

"الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ"

قال القاضى: أصلها قوله ﷺ: "مَاْ رَآهُ الْمُسْلِمُوْنَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللهِ حَسَنٌ". (رواه أحمد والبزار والطيالسي وغيرهم).

(اعلم) أن إعتبار العادة والعرف رجع إليه فى الفقه، فى مسائل لا تعد ولا تحصى:

فمن ذلك: سن الحيض، والبلوغ، والإنزال، وأقل الحيض، والطهر، والنفاس، وطول الزمان وقصره فى موالاة الوضوء فى وجه، وبين الإيجاب والقبول، والسلام ورده.

KAEDAH ASAS 5:

ADAT SEBAGAI RUJUKAN HUKUM

Berhubung kaedah ini al-Qadhi berkata: Asal-usul kaedah ini dari hadis Nabi S.A.W.: "*Apa yang dilihat kaum Muslimin baik maka di sisi Allah S.W.T pun baik*" (Riwayat Ahmad, al-Bazzar, al-Thayalisi dan lain-lain)

Antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Umur haidh, baligh, keluar mani, sekurang-kurang tempoh haidh, suci, nifas, panjang atau pendik tempoh *muwalah* berhubung masalah wudhuk menurut satu *wajah*, berhubung *ijab qabul*, pemberian salam dan menjawabnya.

المبحث الثالث

فى قواعد كلية يتخرج عليها مالا ينحصر من الصور الجزئية:

القاعدة الأولى:

"الاجْتِهَادُ لاَ يُنْقَضُ بالاجْتِهَادِ"

الأصل فى هذه القاعدة إجماع الصحابة — رضى الله عنهم —، نقله ابن الصباغ، وأن أبا بكر حكم فى مسائل خَالَفَهُ عُمَرُ فِيْهَا، ولم ينقض حكمه، وحكم عُمَرُ فِي الْمَشَارِكة بعدم المشاركة، ثم بالمشاركة، وقال: ذَلِكَ عَلَى مَا قَضَيْنَا، وَهَذَا عَلَى مَا قَضَيْنَا، وَقَضَى فِي الجد قَضَايَا مختلفة.

وَمِنْ فُرُوعِهَا: لَوْ تَغْيَّرَ اجتِهَادُهُ فِي القبلة عمل بالثاني، ولا قضاء، حتى لو صَلَّى أربع ركعات لأربع جهات بالإجتهاد فلا قضاء.

لو أَلْحَقَهُ قائفٌ بأَحَدِهِمَا، فجاء قائف آخر فألحقه بالآخر، لم يُلحَق بِهِ، لِأَنَّ الإِجْتِهَاد لا ينقض بالإجتهاد.

لو اجتهد فظن طهارة أحد الإناءين، فاستعمله وترك الآخر، ثم تغير ظنه لا يعمل بالثانى، بل يتيمم.

PERBAHASAN KEDUA:

Lima Kaedah Asas Yang Menjadi Rujukan Kesemua Masalah-Masalah Fekah:

KAEDAH PERTAMA:

IJTIHAD TIDAK DIBATALKAN DENGAN IJTIHAD

Asal kaedah ini ialah Ijmak para Sahabat RA yang dinukilkan oleh al-Shabbagh. Banyak kes yang dihakimi oleh Saidina Abu Bakar yang kemudiannya bercanggah dengan pendirian Saidina Umar RA. Walaubagaimanapun, pendirian atau ijtihad Saidina Umar itu tidak membatalkan ijtihad Saidina Abu Bakar. Misalnya apa yang berlaku di dalam *masalah musytarakah* (berhubung pengagihan harta pusaka) di mana suatu ketika Saidina Umar memutuskan harta itu tidak dikongsi, dan kemudiannya mengatakan pula yang ianya dikongsi. Sehubungan itu, Saidina Umar berkata: "*Itu apa yang telah kami putuskan, dan ini apa yang kami putuskan juga*". Berhubung persoalan 'datuk' pula, beliau memutuskan dengan keputusan yang berbeza-beza.

Antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Jika seseorang berubah ijtihadnya berhubung arah kiblat, maka ia beramal dengan ijtihadnya yang kedua, tidak perlu *Qadha'*. Sehinggakan jika ia mendirikan empat rakaat dengan empat arah kiblat yang berasaskan ijtihad, maka dalam kes ini ia tidak perlu *Qadha'*.
2. Jika seorang *qaif* (pakar mengenal-pasti keturunan) mengenal-pasti salah seorang dari mereka berdua, kemudian datang *qaif* yang kedua mengatakan sebaliknya, maka kenyataan *qaif* yang kedua itu tidak membatalkan kenyataan *qaif* yang pertama.
3. Jika seseorang ber*ijtihad*, lalu ia rasakan yang salah satu bekas itu suci, dan menggunakannya serta meninggalkan bekas yang satu lagi. Kemudian sangkaannya berubah, maka ia tidak perlu menggunakan yang kedua, sebaliknya ia pergi bertayammum.

القاعدة الثانية:

"إِذَا اجْتَمَعَ الْحَلاَلُ وَالْحَرَامُ غُلِّبَ الْحَرَامُ"

روى موقوفا على ابن مسعود رضي الله عنه: مَا اجْتَمَعَ الْحَلاَلُ وَالْحَرَامُ إِلاَّ غَلَّبَ الْحَلاَلَ الْحَرَامُ". (أخرجه عبد الرزاق فى مصنفه)

فإذا تعارض دليلان: أحدهما يقتضى التحريم، والآخر الإباحة، قدم التحريم فى الأصل، ومن ثم قال عثمان رضي الله عنه، لما سئل عن الجمع بين أختين بملك اليمين: أحلتهما آية: ﴿**وَالَّذِيْنَ هُمْ لِفُرُوْجِهِمْ حَافِظُوْنَ إِلاَّ عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ**﴾، وحرمتهما آية: ﴿**وَأَنْ تَجْمَعُوْا بَيْنَ الأُخْتَيْنِ إِلاَّ مَا قَدْ سَلَفَ**﴾، وَالتَّحْرِيْمُ أَحَبُّ إِلَيْنَا.

ومن فروعها: لو اشتبهت محرم بأجنبيات محصورات لم تحل. من أحد أبويه مأكول، والآخر غير مأكول، لا يحل أكله.

عدم جواز وطء الجارية المشتركة.

ويدخل فى هذه القاعدة قاعدة: "إِذَا تَعَارَضَ الْمَانِعُ وَالْمُقْتَضِى قُدِّمَ الْمَانِعُ". ومن فروعها: لو استشهد الجنب، فالأصح أنه لا يغسل.

لو ضاق الوقت، أو الماء عن سنن الطهارة حرم فعلها. ولو جرحه جرجين، عمدا وخطأ، أو مضمونا وهدرا، ومات بهما، لا قصاص.

KAEDAH KEDUA:

APABILA BERHIMPUN YANG HALAL DAN HARAM, DIKIRA YANG HARAM

Diriwayatkan secara *mauquf* daripada Ibnu Mas'ud: "*Tidaklah berhimpun yang halal dan yang haram melainkan yang haram itu akan mengalahkan yang halal*". (Dikeluarkan oleh Abdul Razzaq dalam *Musnad*nya).

Bila bertembung dua dalil, satunya mengharamkan dan satu lagi mengharuskan, maka didahulukan yang haram.

Saidina Uthman pernah ditanya tentang menghimpunkan dua wanita bersaudara yang mana salah seorang daripada mereka adalah merdeka dan seorang lagi hamba. Sedangkan berkaitan dengan perkara itu ada ayat yang menghalalkan dan ada yang mengharamkannya. Saidina Uthman menegaskan dengan menyatakan bahawa nas yang mengharamkan itulah lebih kami sukai.

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Apabila berlaku atau terdapat kesamaran terhadap wanita mahram dengan ajnabi yang dapat dikira jumlah mereka, tidak halal dikahwini semua mereka itu. Binatang yang lahir daripada salah satu binatang yang haram dimakan, samada sebelah jantan atau betina, adalah haram memakannya. Haram menyetubuhi hamba perempuan milik bersama.

Terdapat satu kaedah yang termasuk di bawah kaedah ini iaitu:
"**Apabila berlawanan di antara menghalang dan menuntut diutamakan yang menghalang**".

Di antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Jika seorang yang *junub* mati syahid, maka mengikut pendapat yang *Ashah* ialah ia tidak perlu dimandikan.
2. Sekiranya waktu sempit atau air suci terhad untuk melakukan perkara sunat ketika bersuci, maka haram melakukan perkara sunat tersebut.
3. Sekiranya seseorang mencederakan kawannya dengan dua kesan luka, satunya dilakukan secara sengaja manakala satu lagi secara tersalah, dan ia mati disebabkan dua kesan luka tersebut, maka ia tidak dikenakan *Qisas*.

القاعدة الثالثة:

"الإِيْثَارُ بِالْقُرْبِ مَكْرُوْهٌ، فِي غَيْرِهَا مَحْبُوْبٌ"

قال العلامة الجرهزي: وقد يستدل لها بقوله ﷺ فى الحديث الصحيح: "لا يزال قوم يتأخرون حتى يؤخرهم الله".

فلا إيثار بماء الطهارة، ولا بستر العورة، ولا بالصف الأول، لأن الغرض بالعبادات التعظيم والإجلال، فمن آثر به، فقد ترك إجلال الأله وتعظيمه.

KAEDAH KETIGA:

MENGUTAMAKAN ORANG LAIN DALAM IBADAT MAKRUH, SELAIN IBADAT DISUNATKAN

Al-Allamah Al-Jarhazi berkata: Kaedah tersebut berasaskan hadis Nabi S.A.W.: "*Sesuatu kaum itu sentiasa mengakhirkan dirinya sehinggalah Allah akan mengakhirkan mereka*".

Oleh itu dapat disimpulkan bahaya tidak perlu mengutamakan orang lain berhubung air bersuci, menutup aurat dan berada di saf yang pertama, kerana tujuan ibadat ialah mengagungkan. Jika ia mengutamakan orang lain dalam melakukan perbuatan itu, bermakna ia telah meninggalkan perbuatan mengagungkan Allah S.W.T.

القاعدة الرابعة:

"التَّابِعُ تَابِعٌ"

وَيَدْخُلُ فى هذه العِبَارَةُ قَوَاعِدٌ:

١. **أَنَّهُ لاَ يُفْرَدُ بِالْحُكْمِ، لأَنَّهُ إِنَّمَا جُعِلَ تَبْعًا**

وَمِنْ فُروعِهَا: لو أحيى شيئا له حَرِيمٌ، ملك الحَرِيمَ فِى الأَصَحّ تبعا، فلو باع الحريم دون المِلْكِ، لَمْ يَصِحّ.

قطع عضو من النعم وهو حي لا يحل أكله، ويحل أكله بعد الذبح تبعا. الحمل يدخل فى بيع الأم تبعا لها، فَلاَ يُفرَدُ بالبيْعِ.

KAEDAH KEEMPAT:

YANG MENGIKUT TIDAK TERPISAH DARIPADA YANG DIIKUTINYA

Terdapat beberapa kaedah yang termasuk di bawah kaedah ini:

1. Yang mengikut tidak bersendirian dalam hukum, kerana adanya ia atas dasar ikutan sahaja.

Di antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Jika seseorang mengusahakan sebidang tanah yang terdapat di dalamnya *harim* (seperti tali air atau jalan), maka ia memiliki *harim* tersebut kerana *harim* itu 'yang mengikuti' kepada sebidang tanah yang diusahanya tadi. Jika dia menjual *harim*, tidak termasuk bersama tanah selebihnya, maka tidak sah penjualan tersebut.

2. Jika seketul daging dipotong dari binatang (tiga jenis binatang ternakan) yang masih hidup, maka hukumnya daging itu tidak halal dimakan. Daging itu akan halal dimakan setelah binatang itu disembelih.

3. Anak yang berada di dalam perut termasuk di dalam penjualan ibu, kerana anak itu tidak mungkin dijual secara berasingan.

٢. التَّابِعُ يَسْقُطُ بِسُقُوْطِ الْمَتْبُوْعِ

ومن فرُوعِهَا: من فاتته صلاة فى أيام الجنون، لا يستحب قضاء رواتبها، لأن الفرض سقط فكذا تابعه.

ومن فاته الحج فتحلل بِالطَّوَافِ، والسعى، والحلق، لا يتحلل بالرمى، والمبيت، لِأَنَّهَا مِنْ تَوَابِعِ الوقُوْفِ، وَقَدْ سَقط فَيَسْقط التَابِعُ.

لَوْ مَاتَ الفَارِسُ، سَقَطَ سَهْمُ الفَرَسِ، لِأَنَّهُ تَابِعٌ، فَإِذَا فات الأصل سقط، وَلَوْ مَاتَ الفَرَسُ اِسْتَحَق الفَارس سهم الفارس، لأنه مَتبُوعٌ.

٣. التَّابِعُ لاَ يَتَقَدَّمُ عَلَى الْمَتْبُوْعِ

ومن فروعها: الْمزَارَعَةُ عَلىَ البَيَاضِ بَيْنَ النخل وَالعِنَبِ جَائِزَةٌ تبعا لها.

لا يصح تقدم المؤموم على إمامه فى الموقف، ولا فى تكبيرة الإحرام والسلام، وَلاَ فِى سَائِرِ الأَفْعَالِ.

لو حضر الجمعة من لا تنعقد به، كالمسافر والعبد والمرأة، لم يصح إحرامهم بها إلا بعد إحرام أربعين من أهل الكمال، لأنهم تبع لهم كما فى أهل الكمال مع الإمام.

2. Yang mengikut gugur dengan sebab gugur yang diikuti

Di antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Seseorang yang luput sembahyangnya sepanjang tempoh ia gila tidak disunatkan mengganti sembahyang-sembahyang sunat-sunat *rawatib* sepanjang tempoh tersebut. Hal itu kerana kewajipan solat fardhu beliau ketika itu telah gugur, maka turut gugurlah sembahyang sunat yang mengikutinya.
2. Jemaah haji yang tidah sempat *wuquf* di Padang Arafah, hendaklah ia *tahallul* dengan melakukan *tawaf*, *saie* dan bercukur atau bergunting, bukannya ia *tahallul* dengan pergi melontar di Jamrah atau bermalam di Muzdalifah. Hal tersebut kerana melontar Di Jamrah dan bermalam di Muzdalifah merupakan perbuatan yang mengikuti kepada *wuquf* di Arafah.
3. Sekiranya seorang penunggang kuda perang mati syahid, maka saham atau bahagian kuda itu akan turut gugur. Kerana kuda itu adalah pengikut kepada penunggangnya. Jika gugur yang asal dengan sendirinya akan turut gugur yang mengikutinya. Walau bagaimanapun, jika terbunuh kuda itu dalam peperangan, penunggang kuda itu masih mendapat bahagian atau saham daripada kuda itu.

3. Yang mengikuti tidak mendahului yang diikuti

Di antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Bercucuk tanam di atas kawasan lapang (*Bayadh al-Ardh*) di antara dua barisan pohon kurma atau anggur harus kerana ia adalah yang mengukuti.
2. Makmum sama sekali tidak boleh mendahului imam ketika *ruku'*, *sujud*, *salam* dan pada semua perbuatan.
3. Sekiranya bilangan jemaah solat jumaat dipenuhi oleh orang yang tidak termasuk dalam bilangan ahli Jumaat, seperti: Musafir dan wanita, maka tidak sah jumlah ahli jumaat itu, kecuali dengan ahli-ahli mukim yang menetap. Hal itu kerana mereka adalah pengikut.

٤. **يُغْتَفَرُ فِى التَّوَابِعِ مَا لاَ يُغْتَفَرُ فِى غَيْرِهَا**، وقريب منها: **يُغْتَفَرُ فِى الشَّىْءِ ضمنًا مَا لاَ يُغْتَفَرُ فِيْهِ قَصْدًا.**

ومن فروعها: سجود التلاوة فى الصلاة، يجوز على الراحلة قطعا تبعا، وجرى خارجها خلاف لاستقلاله.

لا يثبت النسب بشهادة النِسَاء، فَلو شَهِدْن بِالوَلاَدَة على الفراش ثَبَث النسب تبَعًا. نضح المسجد بِالْمُسْتَعْمَلْ حرام، وفى الوضوء يجوز.

4. Dimaafkan pada yang mengikuti apa yang tidak dimaafkan pada selainnya;

Di antara hukum furu' yang terbentuk dari kaedah ini ialah:

1. Sujud *tilawah* dalam solat (sunat) ketika dalam kenderaan harus kerana mengikuti. Tetapi jika sujud *tilawah* di luar sembahyang hukumnya khilaf kerana ia tidak mengikuti.

2. Nasab keturunan tidak tidak sabit dengan penyaksian wanita. Namun sekiranya perempuan menyaksikan kelahiran maka sabitlah nasabnya.

3. Haram merenjis masjid dengan air musta'mal. Tetapi pada wudhuk hukumnya harus.

القاعدة الخامسة:

"تَصَرُّفُ الإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوْطٌ بِالْمَصْلَحَةِ"

وأصل هذه القاعدة قول عمر رضي الله عنه: "إِنِّيْ أَنْزَلْتُ نَفْسِي مِنْ مَاْلِ اللهِ بِمَنْزِلَةِ وَاْلِي الْيَتِيْمِ، إِنِ احْتَجْتُ أُخَذْتُ مِنْهُ، فَإِذَا أَيْسَرْتُ رَدَدْتُهُ، فَإِنِ اسْتَغْنَيْتُ اسْتَعْفَفْتُ". (رواه سعيد بن منصور)

ومن فوْرُعِهَا: أنهُ إذاَ قَسَمَ الزكَاةَ على الأَصْنَافَ، يحرم عليه التفضيل، مَعَ تساوِي الحاجات.

أنه لا يجوز لِأحَدٍ من وُلَاةِ الأمور أن ينصب إماما فاسقا للصلوات، وُإن كانت الصلاة خلفه صحيحة، لِأَنَّهَا مكروهة، وُوَلِيّ الأمر مأمور بمراعاة المصلحة، ولَا مَصْلَحَة فى حمل النَاسِ عَلَى فِعلِ المكْرُوهِ.

أنه لا يجوز له أن يقدم فى مال بيت المال غير الأحوج على الأحوج.

KAEDAH KELIMA:

TINDAKAN PEMERINTAH TERHADAP RAKYAT MESTI BERASASKAN KEMASLAHATAN

Sumber asal kaedah ini ialah ungkapan Saidina Umar RA yang bermaksud: "*Aku turunkan diriku dari harta Allah S.W.T. ke kedudukkan wali anak yatim, jika aku perlu, akan ku ambil daripadanya (harta tersebut), maka apabila aku senang aku akan kembalikannya, dan jika aku tidak memerlukannya maka aku menjauhkan diriku dari yang haram*". (Diriwayatkan oleh Said Ibnu Mansour)

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Sekiranya diagihkan zakat kepada golongan yang berhak, haram diagihkan dengan kadar yang tidak sama seandainya pengagihan tersebut dibuat atas dasar keperluan yang sama.

2. Pemerintah tidak boleh melantik imam yang akan mengepalai solat jemaah dari kalangan orang yang fasiq, sekalipun mendirikan solat di belakangnya sah, kerana hukumnya makruh. Hal tersebut kerana pemerintah dituntut supaya menjaga kebajikan dan mengutamakan kemaslahatan. Adapun membawa orang ramai untuk melakukan perkara yang hukumnya makruh itu bukanlah namanya kemaslahatan.

3. Pemerintah tidak boleh mendahulukan memberi harta Baitulmal kepada orang yang kurang memerlukan daripada orang yang lebih memerlukan.

القاعدة السادسة:

"الْحُدُوْدُ تَسْقُطُ بِالشُّبْهَاتِ"

قال ﷺ: "اِدْرَءُوْا الْحُدَوْدَ بِالشُّبْهَاتِ" (أخرجه ابن عدى فى "جزء" له من حديث ابن عباس – رضى الله عنهما –

وأخرج ابن ماجه من حديث أبي هريرة ﷺ: "اِدْفَعُوْا الْحُدُوْدَ مَا اسْتَطَعْتُمْ" وأخرج الترمذي والحاكم والبيهقى وغيرهم من حديث عائشة – رضى الله عنها –: "اِدْرَءُوْا الْحُدُوْدَ عَنِ الْمُسْلِمِيْنَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنْ وَجَدْتُمْ لِلْمُسْلِمِ مَخْرَجًا، فَخَلُّوْا سَبِيْلَهُ، فَإِنَّ الإِمَامَ لأَنْ يُخْطِئَ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعُقُوْبَةِ"

وقال علي – كرم الله وجهه –: "اِدْرَءُوْا الْحُدُوْدَ، وَلاَ يَنْبَغِي لِلإِمَامِ تَعْطِيْلُ الْحُدُوْدِ"، أى لا يجوز للإمام ونوّابه ترك إقامة شيء من الحدود بعد ثبوته عَلَى وَجْهٍ لاَ مُجَالٍ لِلشُّبْهَة.

"الشُّبْهَةُ تُسْقِطُ الْحَدَّ"

سواء كانت الفاعل، كمن وطيء امرأة ظنها حليلته. أو فى المحل، بأن يكون للواطيء فيها ملك، أو شبهة، كالأمة المشتركة، والمكاتبة، وأمة ولده، ومَمْلُوكته المحرم.

KAEDAH KEENAM:

HUKUM HUDUD GUGUR DENGAN SEBAB WUJUDNYA KEKABURAN

Sabda Nabi S.A.W. yang bermaksud: "*Berusahalah kamu dengan bersungguh-sungguh dan semampunya untuk mengelak daripada menjatuhkan hukuman hudud dengan sebab ada keraguan*".

Ibnu Majah mengeluarkan dari hadis Abi Hurairah: "*Hindarkan hukuman hudud seboleh mana kamu mampu*".

Al-Tirmizi, Hakim, Baihaqi dan selainnya mengeluarkan daripada hadis Aishah RA: "*Hindarkanlah hukuman-hukuman hudud daripada orang Islam semampu yang boleh, bila kamu menjumpai jalan keluar (supaya terhindar daripada hudud), maka berilah jalan keluarnya. Sesungguhnya tersalahnya hakim dalam mengampunkan lebih baik dari tersalah menjatuhkan hukuman*".

Saidina Ali *Karramallah wajhah* berkata: "*Hindarkanlah hukuman-hukuman hudud, dan juga tidak seharusnya bagi pemerintah untuk mengabaikan hudud*". Yakni tidak harus bagi pemerintah dan kabinetnya untuk meninggalkan hukuman hudud selepas dari sabit kesalahan yang tiada sebarang sangsi lagi.

"Kekaburan menggugurkan hukum hudud"

Samada kekaburan itu terdapat pada si pelaku (yang berlaku dari sudut subjek); seperti seorang lelaki yang menyetubuhi seorang perempuan yang disangkakannya halal untuknya.

أوْ فِى الطريق، بأن يكون حلالا عند قوم، حراما عند آخرين، كنكاح المُتْعَة، والنكاح بلا ولي، أو بلا شهود، وكل نكاح مختلف فيه، وشرب الخمر للتداوى، وإن كان الأصح تحريمه، لشبهة الخلاف.

وكذا يسقط الحد بقذف من شهد أربعة بزناها، وأربع أنها عذراء، لاحتمال صدق بينة الزنا، وأنها عذراء لم تزل بكارتها بالزنا، وسقط عنها الحد لشبهة الشهادة بالْبُكَارَة.

وَنَظِيْرُهُ: أن يزنى بمن لا يعرف أنها زوجته، فيدعى أنها زوجته، فلا يحد. فلو قد ملفوفا وزعم مَوْتَه، صدق الولى، ولكن تجب الدية دون القصاص للشبهة.

تنبيهان:

١. الشُّبْهَةُ لاَ تُسْقِطُ التَّعْزِيْرَ، وَتُسْقِطُ الْكَفَّارَةَ

فلو جامع ناسيا فى الصوم، أو الحج، فلا كفارة للشبهة. وكذا لو وطئ على ظن أن الشمس غربت، أو أن الليل باق، وبان خلافه، فإنه يفطر، ولا كفارة.

٢. شَرْطُ الشُّبْهَةِ أَنْ تَكُوْنَ قَوِيَّةً، وَإِلاَّ فَلاَ أَثَرَ لَهَا

ولهذا يحد بوطء أمة أباحها السيد، ولا يراعى خلاف عطاء فى إباحة الجواري للوطء، وفى سرقة مباح الأصل، كالحطب ونحوه، وفى القذف على صورة الشهادة.

Atau kekaburan pada tempat (yang berlaku dari sudut objek atau benda), seperti yang melakukan persetubuhan itu mempunyai pemilikkan atau syubhat, seperti hamba milik bersama, hamba *mukatabah*, hamba milik anaknya, dan hamba miliknya yang bertaraf mahram.

Atau kekaburan pada jalan (iaitu yang berlaku dari sudut kaedah atau cara penyelesaian), seperti halal menurut satu pendapat atau mazhab dan haram menurut pendapat atau mazhab lain. Perkara tersebut seperti nikah *mut'ah*, perkahwinan tanpa wali atau tanpa saksi, semua perkahwinan yang menjadi khilaf ulama (berhubung kesahihannya), minum arak atas tujuan mengubat sekalipun yang *ashah*nya ialah hukumnya haram kerana *syubhat* khilaf.

Empat orang lelaki menyaksikan seorang wanita telah melakukan zina, namun datang empat orang saksi wanita menyaksikan bahawa wanita tersebut masih dara. Dalam kes tersebut, kemungkinan benar empat orang saksi lelaki tersebut, tetapi wanita itu masih dara atau selaput daranya tidak pecah walaupun telah berzina. Walau bagaimanapun, hukum terhadap wanita itu tetap gugur dengan ada empat orang saksi wanita yang menyaksikan ia masih dara. Di situ gugurnya hukuman kerana ada *syubhat* (kekaburan) di atas kesaksian menyatakan bahawa ia masih dara.

Samalah seperti seorang lelaki berzina dengan seorang wanita yang mana ia tidak mengetahui bahawa wanita tersebut adalah isterinya. Namun selepas itu ia mendakwa bahawa wanita itu isterinya, maka ia tidak dikenakan hukuman hudud.

Seseorang membelah dengan pisau atau sebagainya akan orang yang dibaluti dengan kain yang disangkakannya jenazah. Maka pembunuh tersebut tidak dikenankan hukuman qisas, tetapi diat sahaja, disebabkan syubhat.

DUA PERINGATAN

1. **Syubhat (kekaburan) tidak menggugurkan hukuman *ta'zir*, namun ia menggugurkan *kaffarah*.**

Seseorang yang secara terlupa, melakukan persetubuhan pada siang hari bulan Ramadhan atau ketika haji (ihram), maka ia tidak dikenakan *kaffarah* kerana kekaburan (*syubhat*).

Seseorang yang melakukan persetubuhan (pada bulan Ramadhan), pada sangkaannya matahari telah terbenam atau malam masih berbaki, kemudian ternyata sebaliknya, maka puasanya terbatal, tetapi tidak dikenakan *kaffarah* ke atasnya kerana syubhat.

2. **Syarat syubhat itu kukuh, sekiranya tidak kukuh maka ia tidak memberi sebarang kesan pengguguran.**

Oleh itu hukuman akan dikenakan ke atas orang yang mencuri barangan yang pada asalnya harus, seperti: mencuri kayu api dan seumpamanya.

القاعدة السابعة:

"الْحُرُّ لاَ يَدْخُلُ تَحْتَ الْيَدِ"

ولهذا لو حبس حرا ولم يمنعه الطعام حتى مات حتف أنفه، أو بانهدام حَائِطٍ ونحوه، لم يضمنه.

ولو وطئ حرة بشبهة فأحبلها، وماتت بالولادة، لم تجب ديتها فى الأصح، ولو كانت أمة وجب القيمة.

ولو طاوعته حرة على الزنا، فلا مهر لها بالإجماع.

القاعدة الثامنة:

"الْحَرِيْمُ لَهُ حُكْمُ مَا هُوَ حَرِيْمٌ لَهُ"

الأصل فى ذلك قوله ﷺ: "الْحَلاَلُ بَيِّنٌ، وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لاَ يَعْلَمُهُنَّ كَثِيْرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشُّبْهَاتِ، فَقَدِ اسْتَبْرَأَ لِدِيْنِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِى الشُّبْهَاتِ وَقَعَ فِى الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوْشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيْهِ" الحديث أخرجه الشيخان.

KAEDAH KETUJUH:

ORANG MERDEKA TIDAK TERMASUK DALAM KEKUASAAN

1. Seandainya seorang yang merdeka ditahan atau dipenjarakan serta diberi makan dan minum dengan sempurna, namun selepas itu ia didapati mati kerana hidungnya tersumbat atau dihempap oleh dinding yang roboh atau selainnya, maka tidak wajib membayar ganti rugi.
2. Kiranya seorang wanita merdeka disetubuhi secara syubhat kemudian hamil dan meninggal dunia ketika bersalin, tidak wajib membayar *diat* atau denda menurut pendapat yang *Ashah*. Sekiranya ia seorang hamba, wajib membayar nilainya.
3. Sekiranya seorang wanita merdeka bersetuju untuk berzina dengan seorang lelaki, maka tiada lagi mahar atau mas kahwin bagi wanita tersebut mengikut ijmak ulama.

KAEDAH KELAPAN:

YANG MENGELILINGI LARANGAN HUKUMNYA SAMA DENGAN YANG DIKELILINGI

Kaedah tersebut berasaskan sabda Nabi S.A.W.:

"*Yang halal itu jelas dan yang haram itu pun jelas. Di antara kedua-duanya terdapat masalah-masalah mutasyabihat (tidak jelas hukumnya). Ramai yang tidak mengetahuinya. Siapa yang menjaga dirinya dari syubhat, bererti ia telah membersihkan agama dan dirinya. Dan siapa yang jatuh dalam perkara syubhat, bererti ia telah jatuh ke dalam pengharaman; seperti seorang pengembala di tepi pagar, dibimbangi akan melanggar (masuk) ke dalam pagar itu*". (Hadis: Dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim)

قال الزركشي: الحريم يدخل فى الواجب، والحرام، والمكروه، وكل محرم له حريم يحيط به.

والحريم: هو المحيط بالحرام، كالفخذين فإنهما حريم للعورة الكبرى، وحريم الواجب، ما لا يتم الواجب إلا به، ومن ثم وجب غسل جزء من الرقبة، وَالْرَأس، مع الوجه ليتحقق غسله، وغسل جزء مِنَ الْعَضُدْ، والساق مع الذراع، وستر جزء من السرة والركبة مع العورة، وجزء من الوجه مع الرأس للمرأة، وَحُرِمَ الاستمتاع بما بين السرة وَالرُكْبَةِ فِي الحيَضْ لِحُرْمَةِ الفَرْجْ.

Al-Zarkasyi berkata: "Harim atau perkara yang mengelilingi ini ada di dalam perkara wajib, haram dan makruh. Setiap yang haram itu ada perkara-perkara yang mengelilinginya, yang mana hukumnya tetap haram".

Harim ialah apa yang mengelilingi perkara haram itu; seperti dua belah paha yang mengelilingi aurat besar.

Apa sahaja perkara wajib yang tidak sempurna kecuali dengannya, maka ia adalah wajib.

Oleh itu, wajiblah membasuh sebahagian leher dan kepala ketika membasuh muka, membasuh sebahagian anggota lengan (iaitu yang sebelah atas siku ketika membasuh lengan hingga ke siku).

Wajib menutup sebahagian dari pusat dan lutut ketika menutup aurat bagi lelaki, sebahagian muka ketika menutup kepala bagi perempuan.

Haram bersedapan di antara pusat dan lutut ketika haid kerana haramnya (memasukkan zakar) ke faraj ketika itu.

القاعدة التاسعة:

"إِذَا اجْتَمَعَ أَمْرَانِ مِنْ جِنْسٍ وَاْحِدٍ، وَلَمْ يَخْتَلِفْ مَقْصُوْدُهُمَا، دَخَلَ أَحَدُهُمَا فِى الآخرِ غَالِبًا"

فمن فروعها: إذا اجتمع حدث وجنابة، كفى الغسل على المذهب، كما لو اجتمع جنابة وحَيْضٌ.

ولو باشر المحْرَمُ فيمَا دُوْنَ الفَرْجِ، لزمته الفِديَةُ. فَلَوْ جَامَعَ دخلت فى الكَفَارَةِ عَلَى الأَصَح، بناء على تداخل الحدث فى الجنابة.

ولو وطىء فى نهار رمضان مَرَتَيْنِ، لمْ تلزمه بِالثَّانِي كَفَارَةٌ، لأنه لم يصادف صومًا،بخلاف مَا لَوْ وطىء فِى الإحرام ثَانِيا، فإن عليه شَاةٌ، ولاَ تَدْخُلُ فِى الكَفَارَةِ، لمصادفته إِحْرَامًا لَمْ يحِلَّ مِنْهُ.

القاعدة العاشرة:

"إِعْمَاْلُ الْكَلَاَمِ أَوْلَى مِنْ إِهْمَاْلِهِ "

من فروعه: ما لو أوصى بطبل، وله طبلُ لهو، وطبل حرب، صح، وحمل على الجائز، نص عليه.

ومنها: لو وقف على أَوْلاَدِهِ، وَلَيْسَ لَهُ إِلَّا أَوْلَادِ الأَوْلَاد، حمل عليهم كما جزم بِهِ الرَافِعِى، لتعذر الحقيقة، وصونا للفظ عن الإهمال.

ونظيره: ما لو قال: زوجاتى طوالق، وَلَيْسَ لهُ إِلَّا رَجْعِيات، طلقن قطعا، وإن كان فى دخول الرجعية فى ذلك مع الزَوْجَات خَلاَف.

KAEDAH KESEMBILAN:

APABILA BERHIMPUN DUA PERKARA SEJENIS DAN TIDAK BERBEZA MAKSUDNYA, KEBIASAANNYA DIMASUKKAN SALAH SATU KEPADA YANG LAIN.

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Apabila berkumpul di antara hadas kecil dan hadas besar, sudah memadai untuk mengangkat hadas kecil. Iaitu tidak perlu berwudhuk lagi untuk mendirikan solat dan lainnya menurut Mazhab Syafie. Begitu juga jika berkumpul di antara hadas besar dan haid, maka memadai mandi hadas besar sekali sahaja.
2. Jika seorang yang di dalam ihram bersedapan pada selain faraj, maka diwajibkan keatasnya membayar *diat*. Jika sekiranya ia berjimak maka wajib ke atasnya *kaffarah* mengikut pendapat yang *Ashah*.
3. Jika seseorang menyetubuhi di siang hari bulan Ramadhan sebanyak dua kali, maka kali yang kedua itu tidak mewajibkan *kaffarah* lagi, kerana ia tidak bertembung dengan puasa. Berbeza hukumnya jika ia melakukan persetubuhan buat kali kedua ketika dalam ihram, maka dalam kes ini wajib ke atasnya seekor kambing.

KAEDAH KESEPULUH:

MENGAMALKAN SESUATU UCAPAN LEBIH UTAMA DARIPADA MENGABAIKANNYA

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Seseorang mewasiatkan sebiji dari dua gendang kepunyaannya, satunya gendang *laghw* (gendang yang digunakan untuk perkara melalaikan) dan yang satu lagi gendang perang. Maka wasiat itu sah, sebagai mengambil yang harus. Perkara itu dinyatakan oleh Imam Syafie sendiri.
2. Seseorang mewakafkan harta kepada anak-anaknya, sedangkan waktu itu semua anak-anaknya telah meninggal dunia. Yang masih masih hidup hanya anak kepada anak-anaknya (cucu). Maka dengan kaedah tersebut, harta wakaf tersebut jatuh kepada cucu-cucunya menurut Imam al-Rafie.

القاعدة الحادية عشرة:

الْخَرَاْجُ بالضَّمَاْنِ"

هو حديث صحيح أخرجه الشافعي، وأحمد، وأبو داود، والترمذي، والنسائي، وابن ماجه، وابن حبان، من حديث عائشة – رضى الله عنها –

وفى بعض طرفه ذكر السبب وهو: "أَنَّ رَجُلاً ابْتَاْعَ عَبْدًا، فَأَقَاْمَ عِنْدَهُ مَاْ شَاْءَ اللهُ أَنْ يُقِيْمَ، ثُمَّ وَجَدَ فِيْهِ عَيْبًا، فَخَاْصَمَهُ إِلى النَّبِيِّ ﷺ، فَرَدَّهُ عَلَيْهِ، فَقَاْلَ الرَّجُلُ: يَاْ رَسُوْلَ اللهِ، قَدْ اسْتَعْمَلَ غُلاَمِيْ، فَقَاْلَ: الْخَرَاْجُ بِالضَّمَاْنِ".

قال أبو عبيد: الخراج فى هذا الحديث غلة العبد يشتريه الرجل فيستغله زمانا، ثم يَعْثُرْ منه على عيب دلسه البائع فيرده، ويأخذ جميع الثمن، ويفوز بغلته كلها، لأنه كان فى ضمانه، ولو هلك هلك ماله.

وكذا قال الفقهاء: معناه ما خرج من الشيء: من غَلَّة، ومنفعة، وعين، فهو كَالْمُشْتَرِى، عِوَضْ مَا كَانَ عَلَيْهِ من ضمان الملك، فإنه لو تلف المبيع كان من ضمانه، فَالغَلَّةُ لَهُ، يَكُوْنُ "الغنم فى مقابل الغرم".

KAEDAH KE SEBELAS:

HAK MENDAPATKAN HASIL DISEBABKAN KESANGGUPAN MENGGANTI RUGI

Hadis Sahih, dikeluarkan oleh Syafie, Ahmad, Abu Daud, al-Tarmizi, al-Nasaie, Ibn Majah dan Ibn Hibban daripada hadis Aishah RA. Secara lengkapnya hadis tersebut berbunyi:

"*Seorang lelaki telah menjual hambanya, lalu hamba itu tinggal bersama pembeli tersebut untuk beberapa hari. Selepas itu, pembeli tersebut mendapati cacat atau kekurangan pada hamba yang dibelinya itu. Ia mengadu kepada Nabi S.A.W., dengan itu Nabi S.A.W. mengembalikan hamba tersebut kepada penjual asal. Penjual itu berkata: Wahai Rasulullah! Ia (pembeli) telah mengambil faedah daripada hambaku ini. Nabi S.A.W. bersabda: Hak mendapatkan hasil disebabkan kesanggupan mengganti rugi*"

Abu Ubaid berkata: *al-Kharaj* dalam hadis tersebut ialah hasil hamba yang dibeli oleh seorang lelaki, lalu diambil manfaat olehnya buat satu tempoh, kemudian ia menemui kekurangan pada hamba tersebut yang disembunyikan oleh si penjual. Kemudian lelaki tersebut mengembalikan hamba yang dibelinya kepada penjual asal dan mengambil wang balik. Maka berhubung dengan manfaat yang diperolehinya dari hamba tersebut sepanjang beberapa hari bersamanya itu tidak dikira apa-apa kerana ia berada di dalam jaminan penjual. Jika rosak ia maka rosaklah harta yang diperolehi penjual hasil menjual hamba tersebut.

القاعدة الثانية عشرة:

"الْخُرُوْجُ مِنَ الْخِلاَفِ مُسْتَحَبٌّ"

فروعها كثيرة جدا، لا تكاد تحصى:

فمنها: استحباب الدلك في الطهارة، واستيعاب الرأس بالمسح، وغسل المني بالماء، والترتيب في قضاء الصلوات، وبترك صلاة الأداء خلف القضاء، وعكسه، والقصر في سفر يبلغ ثلاث مراحل، وتركه فيما دون ذلك، وللملاح الذي يسافر بأهله وأولاده؛ وترك الجمع، وكتابة العبد القوى الكسوب، ونية الإمامة، واجتناب استقبال القبلة واستدبارها مع الساتر، وقطع المتيمم الصلاة إذا رأى الماء، خروجا من خلاف من أوجب الجميع.

وكراهة الحيل في باب الربا، ونكاح المحلل، خروجا من خلاف من خرمه. ومنها: كراهة صلاة المنفرد خلف الصف، خروجا من خلاف من أبطلها.

KAEDAH KE DUA BELAS:

KELUAR DARIPADA KHILAF DIGALAKKAN

Hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini teramat banyak, antaranya:

1. Digalakkan supaya menggosok anggota wudhuk ketika berwudhuk.
2. Digalakkan meratakan keseluruhan kepala ketika menyapu kepala.
3. Membasuh mani dengan air.
4. Men*qadha* sembahyang yang luput secara teratur, tidak sembahyang tunai di belakang orang yang sembahyang *qadha*, dan sebaliknya. Menunaikan sembahyang *qasar* ketika musafir yang jaraknya melebihi tiga *marhalah* dan meninggalkan sembahyang *qasar* ketika musafir kurang dari tiga *marhalah*. Semua itu kerana keluar dari khilaf mereka yang mewajibkannya.
5. Makruh menggunakan helah dalam riba dan nikah *muhallil*, kerana keluar daripada mereka yang mengharamkannya.
6. Makruh mendirikan solat berseorangan di belakang saf, kerana keluar dari khilaf orang yang membatalkannya.

القاعدة الثالثة عشرة:

"الدَّفْعُ أَقْوَى مِنَ الرَّفْعِ"

ولهذا، الماء المستعمل إذا بلغ قلتين، فى عوده طهورا، وجهان: ولو استعمل القلتين ابتداء لم يصر مستعملا بلا خلاف، والفرق أن الكثرة فى الابتداء دافعة، وفى الأثناء رافعة، والدفع أقوى من الرفع.

ومن ذلك: للزوج منع زوجته من حج الفرض، ولو شرعت فيه بغير إذنه، ففى جواز تحليلها قولان.

ووجود الماء قبل الصلاة للمتيمم يمنع الدخول فيها، وفى أثناءها لا يبطلها، حيث يسقط به.

KAEDAH KE TIGA BELAS:

MENOLAK DAKWAAN LEBIH KUAT DARIPADA MENDAKWA

1. Air Mustamal yang dikumpul menjadi jumlah dua kolah berubah menjadi suci. Namun diperselisihkan oleh ulama. Tetapi air yang semenjak asalnya mencukupi jumlah dua kolah disepakati kesuciannya. Air yang mencukupi dua kolah semenjak asalnya itu bererti menolak dan air yang mencukupi dua kolah setelah menjadi mustamal membawa erti mengangkat. Lantaran menolak itu lebih kuat daripada mengangkat.

2. Seorang suami berhak menegah isterinya menunaikan haji yang fardhu, dan sekiranya si isteri telah pun mula berihram, yakni telah masuk ke dalam ibadat haji, maka hukum isterinya bertahlil ada dua pendapat.

3. Seorang yang bertayammum menjumpai air sebelum mendirikan solat, maka ia ditegah dari menunaikan solat (sehinggalah ia berwudhuk), namun jika menjumpai air ketika sedang mendirikan solat, maka solatnya tidak terbatal.

القاعدة الرابعة عشرة:
"الرُّخَصُ لاَ تُنَاْطُ بِالْمَعَاْصِي"

ومن ثم لا يستبيح العاصى بسفره شيئا من رخص السفر: من القصر، والجَمْع، والفطر، والمسح ثلاثا، والتنفل على الراحلة، وترك الجمعة، وأكل الميتة، وكذا التيمم على وجه اختاره السُّبْكِى، ويأثم بترك الصلاة إثم تارك لها، مع إمكان الطهارة، لأنه قادر على استباحة التيمم بالتوبة، والصحيح أنه يلزمه التيمم لحرمة الوقت، ويلزمه الإعادة لتقصيره بترك التوبة.

KAEDAH KE EMPAT BELAS:

RUKHSAH TIDAK BOLEH DIHUBUNGKAN DENGAN MAKSIAT

Seseorang yang bermusafir dalam maksiat atau atas tujuan maksiat tidak diharuskan baginya apa-apa rukhsah; samada *qasar*, *jamak*, berbuka puasa, menyapu muza, mendirikan solat sunat atas kenderaan, meninggalkan solat jumaat, makan bangkai, begitu juga dengan tayammum menurut apa yang dipilih oleh Imam Subki, berdosa meninggalkan solat seperti dosanya seorang yang meninggalkan solat dalam keadaan ia boleh bersuci (yakni berwudhuk tanpa perlu tayammum). Hal ini kerana ia masih mampu bertaubat. Menurut pendapat yang *sahih* dia hendaklah bertayammum kerana hormatkan waktu, dan wajib mengulangi sembahyang kerana enggan bertaubat.

القاعدة الخامسة عشرة:

"الرُّخَصُ لاَ تُنَاْطُ بِالشَّكِّ"

ومن فروعها:

وجوب الغسل لمن شك فى جواز المسح

ووجوب الإتمام لمن شك فى جواز القصر، وذلك فى صور متعددة.

ووجوب الغسل لمن شك فى انقضاء مدة المسح.

القاعدة السادسة عشرة:

"الرِّضَى بِالشَّيْءِ رِضَى بِمَا يَتَوَلَّدُ مِنْهُ"

وقريب منها قاعدة: "المتولد من مَأذُونٌ فيه لا أثر له".

ومن فروعها: رضى أحد الزَوْجِين يعيب صَاحِبه، فزاد، فلا خيار له على الصحيح.

١- ومنها: لو قطع قِصَاصْا، أو حَدًا، فسرى فلا ضمان.

ومنها: تُطَيَبَ قَبْلَ الإحْرَام، فَسَرَىَ إلى موضع آخر بعد الإحرام، فَلاَ فِدية فِيه.

KAEDAH KE LIMA BELAS:

RUKHSAH TIDAK DIHUBUNGKAN DENGAN KERAGUAN

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Wajib membasuh kedua-dua belah kaki jika ia ragu adakah diharuskan baginya menyapu khuf.
2. Wajib mendirikan solat secara penuh bagi orang yang ragu adakah diharuskan *qasar* untuknya.
3. Wajib membasuh kedua belak kaki bagi orang yang ragu atau syak yang tempoh sapuannya telahpun tamat.

KAEDAH KE ENAM BELAS:

REDHAKAN SESUATU BERERTI REDHA APA YANG LAHIR DARIPADANYA

Sama dengan kaedah yang berbunyi: "**Kejadian akibat daripada sesuatu yang diizinkan tiada pengaruh baginya**".

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Sekiranya seseorang dipotong tangannya kerana *had* mencuri atau *qisas* pada anggotanya, kemudian anggota tersebut merebak, tidak ada jaminan dan anti rugi.
2. Seorang yang memakai wangi-wangian sebelum ia memulakan Ihram, namun selepas itu wangian itu merebak ke tempat lain setelah berihram. Ia tidak dikenakan membayar *fidyah*.

القاعدة السابعة عشرة:
"السُّؤَاْلُ مُعَاْدٌ فِى الْجَوَاْبِ"

فلو قِيْلَ لَهُ على وجه الاِستِخْبار: أطلقت زوجتك؟ فقال: نعم، كان أقرارا به، يؤخذ به فى الظاهر ولو كان كاذبا.

القاعدة الثامنة عشرة:
"لاَ يُنْسَبُ لِسَاْكِتٍ قَوْلٌ"

هذه عبارة الشافعى رضي الله عنه، ولهذا لو سكت عن وطء أمته، لا يسقط المهر قطعا، أو عن قطع عضو منه، أو إتلاف شيء من ماله مع القدرة على الدفع لم يسقط ضمانه، بلا خلاف، بخلاف ما لو أذن ذلك.

ولو سكتت الثيب عند الإستئذان فى النكاح، لم يقم مقام الإذن قطعا. ولو حمل من مجلس الخيار، ولم يمنع من الكلام، لم يبطل خياره فى الأصح.

KAEDAH KE TUJUH BELAS:

PERTANYAAN HARUS DIKEMBALIKAN DALAM JAWAPAN

1. Jika ditanya, apakah engkau telah menceraikan isterimu? Dia menjawab: Ya. Maka jawapannya itu adalah pengakuan kepada pertanyaan yang diajukan kepadanya. Maka ia mesti dikira dan diterima dari sudut makna zahirnya walaupun ia berbohong.

KAEDAH KE LAPAN BELAS:

ORANG YANG DIAM TIDAK BOLEH DINISBAHKAN KEPADANYA SESEBUAH KATA

1. Jika seseorang membisu mengenai hamba perempuannya disetubuhi, maka tindakannya membisu itu tidak akan menggugurkan mahar.
2. Seseorang yang mendiamkan diri terhadap kerosakan hartanya, bukan sebagai keizinan. Maka tidak gugur hak jaminan atau ganti rugi menurut sepakat ulama. Sebaliknya jika ia mengizinkan, tidak ada ganti rugi.
3. Jika janda berdiam diri ketika diminta izin untuk menikahinya, maka tidak boleh dianggap yang ianya mengizinkan.

القاعدة التاسعة عشرة:

"مَاْ كَاْنَ أَكْثَرَ فِعْلاً، كَاْنَ أَكْثَرَ فَضْلاً"

أصله قوله ﷺ لعائشة – رضى الله عنها – "أجرك على قدر نصبك". (رواه مسلم) ومن ثم كان فصل الوتر أفضل من الوصل، لزيادة النية، والتكبير والسلام.

وصلاة النفل قاعدا على النصف من صلاة القائم، ومضطجعا على النصف من القاعد.

وإفراد النسكين أفضل من القرآن.

القاعدة العشرون:

"الْمُتَعَدِّى أَفْضَلُ مِنَ الْقَاْصِرِ"

يعنى بالمتعدى الذى يعم نفعه بحيث يتعدى إلى غيره. وَمِنْ ثَمَّ قَالَ الْأُسْتَاذ أبو إِسْحَاق، وَإِمَام الحرمين، وأبوه: لِلْقَائِمِ بِفَرْضِ الكِفَايَةِ مُزِيَةٌ عَلَى العَيْنِ، لِأَنَّهُ أسقط الحرج من الأمة.

وقال الشافعى: طلب العِلْمِ أَفْضَل مِنْ صَلَاةِ النَافِلَةِ

KAEDAH KE SEMBILAN BELAS:

LEBIH BANYAK DILAKUKAN LEBIH BANYAK KEUTAMAANNYA

Kaedah ini berasaskan sabda Baginda S.A.W. kepada Saidatina Aishah: "*Ganjaran pahalamu berdasarkan kadar usahamu*". (Riwayat Muslim).

1. Oleh itu sembahyang witir yang dikerjakan secara berasingan lebih baik lebih utama daripada melakukannya secara bersambung-sambung kerana lebihnya di situ niat, takbir dan salam.

2. Solat sunat yang dilakukan secara berdiri lebih baik daripada solat sunat yang dilakukan secara duduk, dan solat sunat secara duduk lebih baik daripada berbaring.

3. Melakukan ibadat haji dan umrah secara berasingan, iaitu haji *ifrad* lebih utama daripada mengerjakan secara serentak, atau dinamakan *haji qiran*.

KAEDAH KE DUA PULUH:

PERBUATAN MENCANGKUPI KEPENTINGAN UMUM LEBIH UTAMA DARIPADA KEPENTINGAN SENDIRI

Abu Ishaq, Imam Haramain dan ayahnya pernah berkata: "Amalan fardhu kifayah itu lebih utama daripada amalan fardhu 'ain. Hal itu kerana amalan fardhu kifayah dapat menggugurkan kewajipan masyarakat dan umat.

Imam Syafie berkata: "Menuntut ilmu lebih baik dari solat sunat".

القاعدة الحادية والعشرون:

"الْفَرْضُ أَفْضَلُ مِنَ النَّفْلِ"

قال ﷺ فيما يحكيه عن ربه: "وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ الْمُتَقَرِّبُوْنَ بِمِثْلِ أَدَاْءِ مَا افْتَرَضْتُهُ عَلَيْهِمْ". (رواه البخاري)

قال إمام الحرمين: قال الأئمة: خص الله نبيه ﷺ بإيجاب أشياء لتعظيم ثوابه، فإن ثواب الفرائض يزيد على ثواب المندوبات بسبعين درجة.

وَتَمَسَّكُوا بِمَا رَوَاهُ سلمان الفارسي رضي الله عنه: أنَّ رسول الله ﷺ قال في شهر رمضان: "مَنْ تَقَرَّبَ فِيْهِ بِخِصْلَةٍ مِنْ خِصَاْلِ الْخَيْرِ، كَاْنَ كَمَنْ أَدَّىْ فَرِيْضَةً فِيْمَا سِوَاْهُ، وَمَنْ أَدَّىْ فَرِيْضَةً فِيْهِ، كَاْنَ كَمَنْ أَدَّىْ سَبْعِيْنَ فَرِيْضَةً فِيْمَا سِوَاْهُ".

فَقَابَلَ النفل فيه بالفرض في غيره، وقابل الفرض فيه بسبعين فرضًا في غيره، فأشَرَ هذا بطريق الفحوى أنَّ الفرض يزيد على النفل بسبعين درجة.

KAEDAH KE DUA PULUH SATU:

AMALAN FARDHU LEBIH UTAMA DARIPADA SUNAT

Sabda Nabi S.A.W. menceritakan tentang Tuhannya: "*Tidak sama amalan orang-orang yang memperdekatkan diri mereka kepadaku yang sama dengan apa yang telah aku fardhukan ke atas mereka*". (Riwayat Bukhari)

Berkata Imam Haramain; memetik kata-kata para imam sebagai berkata: "Allah mengkhususkan kepada Nabi S.A.W. dengan sesuatu amalan fardhu atas sebab mengagungkan ganjarannya. Sesungguhnya ganjaran pahala melaksanakan amalan fardhu itu lebih besar dari ganjaran amalan sunat sebanyak tujuh puluh gandaan".

Memetik Salman al-farisi berkata: "Rasulullah S.A.W. suatu ketika di bulan Ramadhan pernah berkata: Siapa menghampirkan dirinya kepada Allah S.W.T. di bulan Ramadhan dengan melakukan sesuatu kebaikan, adalah ia dengan itu bagaikan telah melakukan satu ibadat fardhu pada bulan selain Ramadhan. Siapa yang mengerjakan satu fardhu pada bulan Ramadhan, ia bagaikan telah melakukan tujuh puluh fardhu pada bulan-bulan selain Ramadhan".

القاعدة الثانية والعشرون:

"الْفَضِيْلَةُ الْمُتَعَلِّقَةُ بِنفْسِ الْعِبَادَةِ أَوْلَى مِنَ الْمُتَعَلِّقَةِ بِمَكَانِهَا"

قال فى "شرح المُهَذَّبُ": هذه قاعدة مهمة صرح بها جماعة من أصحابنا، وهى مَفْهُوْمَةٌ مِنْ كَلاَمُ البَاقِين.

ويتخرج عليها مسائل مشهورة:

منها: الصلاة فى جوف الكعبة أفضل من الصلاة خارجها، فإن لمْ يرج فيها الجماعة وكَانَت خَارِجهَا، فَالْجَمَاعة خارجها أفضل.

ومنها: صَلاَةُ الفَرْضُ فِى المَسْجِدِ أَفْضَلُ مِنْهُ فِى غَيْرِه، فَلَوْ كَانَ مَسْجِد لاَ جَمَاعَةٌ فِيه، وَهُنَاك جَمَاعَةٌ فِى غَيْرِه، فَصَلاَتُهَا مَعَ الجَمَاعَةِ خَارجه أَفَضَل مِنَ الإنفراد فِى الْمَسْجِد.

KAEDAH KE DUA PULUH DUA:

KELEBIHAN BERKAITAN DIRI IBADAT LEBIH UTAMA DARIPADA YANG BERKAITAN DENGAN TEMPATNYA.

Menjelaskan perkara itu, Imam Nawawi berkata dalam *Syarah al-Muhazzab*: Kaedah ini sangat penting seperti dinyatakan oleh para ulama Mazhab Syafie.

Beberapa masalah masyhur telah terbentuk dari kaedah ini:

1. Sembahyang di dalam Kaabah lebih utama dari sembahyang di luar Kaabah. Sekiranya di dalam Kaabah tidak ada orang untuk didirikan solat jemaah bersama mereka, sebaliknya terdapat orang diluar Kaabah, maka menunaikan solat di luar Kaabah secara berjemaah itu lebih utama.

2. Sembahyang di masjid itu lebih utama dari sembahyang di tempat lain. Sekiranya di dalam masjid tidak ada orang untuk didirikan solat jemaah bersama mereka, sebaliknya terdapat orang di selain masjid, maka menunaikan solat di selain masjid secara berjemaah itu lebih utama.

القاعدة الثالثة والعشرون:
"الْوَاْجِبُ لاَ يُتْرَكُ إِلاَّ لِوَاْجِبٍ"

وعبر عنها قوم بقولهم: "الْوَاْجِبُ لاَ يُتْرَكُ لِسُنَّةٍ" وقوم بقولهم: "مَا لاَبُدَّ مِنْهُ لاَ يُتْرَكُ إِلاَّ لِمَا لاَبُدَّ مِنْهُ".

وقوم بقولهم: "جَوَاْزُ مَاْ لَمْ يُشْرَعْ لَمْ يَجُزْ، دَلِيْلٌ عَلَى وُجُوْبِهِ". وقوم بقولهم: "مَاْ كَاْنَ مَمْنُوْعًا إِذَا جَاْزَ وَجَبَ" وفيها فروع:

منها: قطع اليد فى السرقة، لو لم يجب لكان حراما. ومنهاك إقامة الحدود على ذوى الجرائم. ومنها: وجوب أكل الميتة للمُضطر.

KAEDAH KE DUA PULUH TIGA:

WAJIB TIDAK BOLEH DITINGGALKAN MELAINKAN KERANA WAJIB

Dengan maksud yang sama dikatakan juga:

KAEDAH: **Sesuatu yang wajib tidak boleh ditinggalkan kerana sunat.**

KAEDAH: **Sesuatu yang mesti tidak boleh ditinggalkan kecuali kerana yang mesti.**

KAEDAH: **Yang harus sekiranya tidak dilakukan tidak boleh menjadi dalil atas kewajipannya.**

KAEDAH: **Apa-apa tegahan apabila diharuskan menjadi wajib.**

Pecahan hukum yang terbentuk dari kaedah tersebut:

1. Memotong tangan dalam kes mencuri sekiranya tidak wajib maka melaksanakannya adalah haram.
2. Menjatuhkan hukuman hudud ke atas penjenayah sekiranya tidak wajib maka melaksanakannya adalah haram.
3. Memakan bangkai bagi mereka yang dalam keadaan terdesak (*dharurat*) sekiranya tidak wajib maka melakukannya adalah haram.

القاعدة الرابعة والعشرون:

"مَاْ أَوْجَبَ أَعْظَمَ الأَمْرَيْنِ بِخُصُوْصِهِ، لاَ يُوْجِبُ أَهْوَنَهَا بِعُمُوْمِهِ"

ذكرها الرَافِعِي، وَفِيهَا فُروع:

مِنْهَا: لاَ يَجِبُ عَلَى الزَانِي التعْزِيْرَ بِالمُلاَمُسَةِ وَالمُفَاخَذَةِ، فَإِن أَعْظَمَ الأَمْرَيْنِ – وَهُوَ الحَدُّ – قَدْ وَجَبَ.

وَمنها: خرُوْجَ المَنِي، لاَ يوْجِبُ الوُضوءْ عَلَى الصَحِيْح بعُموم كَوْنه خَارِجًا، فَإِنهُ قدْ أَوْجَبَ الغَسْل، الذِى هو أَعْظَمُ الأَمْرَيْن.

زنا المُحْصِنْ، لَمْ يوْجِبْ أَهْوَنَ الأَمْرَيْنِ – وَهُوَ الجلدَ – بِعَموم كونِهِ زنا خِلاَفًا لاِبْنِ المُنْذِر.

KAEDAH KE DUA PULUH EMPAT:

SESUATU DISEBABKAN KEKHUSUSANNYA MEWAJIBKAN DUA PERKARA LEBIH BESAR, TIDAK MEWAJIBKAN DUA PERKARA LAIN YANG LEBIH KECIL DISEBABKAN KEUMUMANNYA.

Berhubung perkara itu, al-Rafie menjelaskan: Terdapat beberapa hukum furu' yang terhasil dari kaedah tersebut, antaranya:

1. Tidak diwajibkan hukuman *Ta'zir* ke atas penzina dengan sebab bersentuhan dan bersekedudukan kerana telah dijatuhkan hukuman yang lebih berat daripada *T'azir* ke atasnya, iaitu hukuman had (samada sebatan atau rejam)

2. Keluar mani tidak mewajibkan wudhuk mengikut *Qaul* yang *Sahih* atas alasan ianya sesuatu yang keluar daripada *qubul*. Hal ini kerana keluarnya mani itu telah mewajibkan sesuatu yang lebih besar daripada wudhuk, iaitu mandi.

3. Zina *Muhsin* tidak mewajibkan sebatan disebab keumumannya zina, bercanggah pula hukumnya dengan apa yang diputuskan oleh Ibn Munzir.

القاعدة الخامسة والعشرون:

"مَا ثَبَتَ بِالشَّرْعِ مُقَدَّمٌ عَلَى مَا ثَبَتَ بِالشَّرْطِ"

ولهذا، لا يصح نذر الواجب كالجمعة، والصلوات الخمس، والصوم، ونحوها، لأنه تحصيل حاصل.

ولو قال: طلقتك بألف على أن لي الرجعة، سقط قوله "بألف" ويقع رجعيا، لأن المال ثبت بالشرط، والرجعة بالشرع، فكان أقوى.

ونحوه تدبير المستولدة، لا يصح لأن عتقها بالموت ثابت بالشرع، فلا يحتاج معه إلى التدبير.

KAEDAH KE DUA PULUH LIMA:

APA YANG SABIT DENGAN SYARAK DIDAHULUKAN DARIPADA APA YANG SABIT DENGAN SYARAT

1. Tidak sah bernazar sesuatu yang wajib, seperti bernazar mendirikan solat jumuat, solat lima waktu, berpuasa, dan umpamanya kerana ia tidak ubah seperti perbuatan menyediakan benda yang telah sedia ada.

2. Jika dikatakan: Saya ceraikan awak dan saya akan berikan awak seribu ringgit dengan syarat saya berhak merujuk awak. Maka ungkapannya seribu itu tidak diambil kira, dan ia tetap mendapat hak merujuk semula. Hal tersebut kerana wang itu sabit dengan syarat sedangkan hak merujuk sabit dengan syarak.

3. Janji seseorang tuan kepada hambanya yang telah disetubuhi dan mengandung anaknya bahawa ia (hamba tersebut) akan merdeka setelah ia (tuannya) meninggal dunia adalah tidak sah. Hal ini kerana hamba perempuan tersebut dengan sebab kematian tuannya, dan dalam masa yang sama menjadi seorang ibu kepada anak tuannya dengan tersendirinya akan mendapat status amah mudabbarah yang tidak boleh dijual. Status tersebut akan diperolehinya dengan sebab syarak. Maka janji tuannya tadi tidak diambil kira kerana sesuatu yang sabit dengan syarak didahulukan daripada sesuatu yang sabit dengan sebab syarat.

القاعدة السادسة والعشرون:
"مَا حَرُمَ اسْتِعْمَالُهُ حَرُمَ اتِّخَاذُهُ"

وَمن ثَمَّ حرم اتخاذ آلات الملاهى، وأوانى النقدين، والكلب لمن لا يصيد، والخترير، وَالْفَوَاسِق، وَالخمرُ، وَالْحَرِيُرُ، وَالْحَلِيّ للرِجُل.

قُلْتُ: وَمِثْلهَا بِنَاء البنوك الربوية، وأماكن الفجور، وَالْكبَارِيْهَاتن وإنتاج الأفلام التى تثير الغرائز، لا سيما الأفلام الجنسية، وَالْصُوَرَة العارية، وكل عمل أو وسيلة يدعو إلى الرَذَائِل، أو ارتكاب مَا حَرمَهُ الله تعالى ورسوله.

القاعدة السابعة والعشرون:
"مَا حَرُمَ اتِّخَاذُهُ حَرُمَ إِعْطَاؤُهُ"

كَالرِّبَا، وَمَهَر الْبَغِي، وحلوان الكاهن، والرشوة، وأجرة النائحة، وَالْزَامِر، وَسَائِرِ الأَعْمَالِ الفسقية، كَمَا لَا يَجُوْزُ أخذ ذلِك.

تينبه: يقرب مِنْ هَذِهِ القَاعِدَةُ قَاعِدَة: "ما حَرُمَ فعله حرم طلبه".

KAEDAH KE DUA PULUH ENAM:

SESUATU YANG HARAM MENGGUNAKANNYA HARAM MEMPEROLEHINYA

Dengan sebab itu haram memperolehi alat-alat yang melalaikan berupa bekas makanan atau minuman diperbuat daripada emas dan perak, anjing bagi orang yang tidak menggunakannya untuk memburu, babi, perempuan jalang, arak, sutera, dan perhiasan emas bagi lelaki.

Bagi saya (Sheikh Nuruddin al-Banjari): Begitu juga dengan menubuhkan bank-bank yang mengamalkan riba, tempat-tempat maksiat, cabarate, menghasilkan filem-filem yang merangsang nafsu, lebih-lebih lagi filem lucah, foto bogel, setiap tindakkan atau jalan membawa kepada perkara hina, dan melakukan perkara-perkara yang diharamkan Allah SWT.

KAEDAH KE DUA PULUH TUJUH:

SESUATU YANG HARAM MEMPEROLEH HARAM MEMBERINYA

Seperti hasil riba, hasil aktiviti pelacuran, upah tenung nasib, hasil rasuah, upah meratap jenazah, upah memainkan alat muzik yang diharamkan, dan hasil pekerjaan fasiq. Mengambil dan memberi hasil-hasil tersebut hukumnya adalah haram.

Terdapat satu kaedah yang hampir dengan kaedah ini ialah: "**sesuatu yang haram mengerjakannya maka haramlah memintanya**".

القاعدة الثامنة والعشرون:

"الْمَشْغُوْلُ لاَ يُشْغَلُ"

وَلِهَذَا، لَوْ رَهَنْ رَهْنًا بِدَيْنٍ، ثم رَهَنَهُ بِآخر لَمْ يَجُزْ فِي الجَدِيدْ.

وَمِن نَظَائِرِهِ: لاَ يَجُوْزُ الإِحْرَام بِالعُمْرَةِ لِلعَاكِف بِمِنًى، لاَ شتغَالَه بالرمى وَالمُبِيْتْ.

وَمِنْهَا: لاَ يَجُوْزُ إِيرَاد عَقْدَيْنِ عَلَى عَينٍ فِي مَحَلٍّ وَاحِدٍ.

القاعدة التاسعة والعشرون:

"الْمُكَبَّرُ لاَ يُكَبَّرُ"

وَمَن ثَمَّ لَا يُشْرِعْ التَّثْلِيثْ فِي غسلات الكلب، خِلافا لِمَا وَقَعَ فِي "الشَّامِلِ الصَغِير"، وَلَا التَغْلِيظْ فِي أَيْمَان القَسَامَةْ، وَلاَ دِيَةُ العَمَدْ، وَشَبَهُهُ، وَلا الخَطَأِ إِذاَ غُلِظَتْ بِسَبَبٍ، فلا يزداد التَغْلِيْظُ بسبب آخر فى الأصبح.

القاعدة الثلاثون:

"مَنِ اسْتَعْجَلَ شَيْئًا قَبْلَ أَوَانِهِ عُوْقِبَ بحِرْمَانِه"

ومن فروعها:

إِذَا خُلِّلَتْ الخَمرَ بطرح شَيْءٍ فِيْهَا، لَمْ تَطْهَرْ وَنَظِيْرَه: إِذَا ذَبِحَ الْحِمَار لِيُؤخذ جلده، لَمْ يَجُزْ. وَمِنْهَا: حَرمان القاتل الإرث.

KAEDAH KE DUA PULUH LAPAN:

YANG SIBUK TIDAK BOLEH DISIBUKKAN LAGI

1. Jika ia menggadai sesuatu sebagai jaminan hutang, kemudian ia ingin jadikan barang yang digadaikanya itu sebagai jaminan hutang lain, maka ianya tidak boleh menurut *Qaul Jadid*.
2. Tidak boleh bagi orang yang berada di Mina untuk berihram Umrah kerana ia sibuk dengan ibadat melontar dan bermalam.
3. Tidak boleh seseorang itu menandatangani dua kontrak bekerja di tempat yang berlainan dalam satu masa yang sama.

KAEDAH KE DUA PULUH SEMBILAN:

YANG SUDAH DIBESARKAN TIDAK BOLEH DIBESARKAN

1. Tidak disyariatkan bertiga-tiga pada basuhan-basuhan anjing (sebagaimana yang disunatkan pada najis mutawassitah), berbeza pula apa yang dinyatakan di dalam *al-Syamil al-Shaghir*.
2. Sumpah yang telah dikuatkan dengan penyaksian terhadap Allah sudah tidak ada lagi penguat lain selainnya. Iaitu tidak disyariatkan dengan memberatkan sesuatu sumpah dengan sumpah.

KAEDAH KE TIGA PULUH:

SESIAPA YANG MENYEGERA MENDAPATKAN SESUATU SEBELUM TIBA MASANYA DIHALANG DARI MEMPEROLEHNYA

Di antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Jika arak berubah menjadi cuka dengan sebab meletakkan sesuatau ke dalamnya, maka ia tidak juga suci.
2. Jika keldai disembelih atas tujuan ingin mengambil kulitnya maka ianya tidak harus.
3. Membunuh peninggal harta warisan membuatkan si pembunuhnya tertegah dari mendapat hak warisan.

القاعدة الحادية والثلاثون:

"النَّفْلُ أَوْسَعُ مِنَ الْفَرْضِ"

وَلِهٰذَا لاَ يَجِبُ فِيهِ الْقِيَام، وَلاَ الإِسْتِقْبَالُ فِي السَفَرِ، وَلاَ تَجْدِيْدُ الإِجْتِهَادُ فِي الْقِبْلَة، وَلاَ تَكْرِيْرُ التَيَمُّم، وَلاَ تَبْيِيتُ النِيَّةِ، وَلاَ يلزم بِالشُّرُوْعِ.

القاعدة الثانية والثلاثون:

"الْوِلاَيَةُ الْخَاصَّةُ أَقْوَى مِنَ الْوِلاَيَةِ الْعَامَّةِ"

وَلِهٰذَا، لاَ يَتَصَرَّفُ الْقَاضِي مَعَ وُجُوْدِ الوَالِيْ الْخَاصْ وَأَهْلِيتِهِ. وَلَوْ أَذِنَتْ لِوَالِيِ الْخَاصْ أَن يُزَوِّجِهَا بِغَيْرِ كَفْءٍ فَفَعَلْ، صَحْ، أَوْ لِلْحَاكِم لَمْ يَصِحْ عَلَى الأصح.

وَلِلْوَالِيْ الخَاصْ اِسْتِيفَاءُ الْقِصَاص، والعفو عَلَى الدِيَّة، ومجانا، وَلَيْسَ لِلإِمَام العفو مجانا.

KAEDAH KE TIGA PULUH SATU:

SUNAT LEBIH LUAS (DILONGGARKAN) DARIPADA FARDHU

Tidak wajib berdiri ketika menunaikan solat sunat, tidak wajib menghadap ke arah kiblat ketika menunaikan solat sunat pada masa musafir, tidak perlu memperbaharui ijtihad dalam mencari arah kiblat ketika mendirikan solat sunat, tidak perlu memperbaharui tayammum untuk mendirikan solat sunat ke dua dan seterusnya, dan tidak perlu berniat di malam hari untuk mengerjakan puasa sunat.

KAEDAH KE TIGA PULUH DUA:

KUASA WALI KHAS LEBIH KUAT DARIPADA KUASA WALI AM

1. Seseorang Qadi atau Hakim tidak boleh bertindak secara kekuasaan penuh selagi Wali Khas dan kelayakannya masih lagi wujud.

2. Sekiranya seorang wanita mengizinkan kepada wali khas untuk mengahwinkan dirinya dengan lelaki yang tidak sekufu dengannya dan Wali Khas itu melaksanakanya, maka perkahwinan itu sah. Sebaliknya jika ia mengizinkannya kepada hakim, maka perkahwinan itu tidak sah mengikut yang al-Ashah.

3. Wali Khas atau khusus boleh meminta atau melaksanakan qisas atau memaafkan daripada mengambil diat secara percuma. Namun imam atau hakim tidak boleh memaafkan secara percuma.

القاعدة الثالثة والثلاثون:

"لاَ عِبْرَةَ بالظَّنِّ الْبَيِّنِ خَطَؤُهُ"

من فروعها:

لَو ظَنَّ المُكَلَّفُ فِى الوَاجِبِ المُوسع أنَّهُ لا يَعِيش إلى آخر الوَقْت، تَضَيّقَ عَلَيه، فَلَوْ لَمْ يفعلهُ، ثُمَّ عاشَ وفَعَلَهُ، فَأَدَاءٌ على الصَحيح.

وَلَوْ ظَنَّ أنَّهُ مُتَطَهِّرٌ، فَصَلّى، ثم بان حدثه أو ظن دخول الوقت، فصلى، ثُمَّ بأنَ أنه لَمْ يدخل. أو ظن طهارة الماء، فتوضأ به، ثُمَّ بانَ نجاسته، لَمْ يجز فِى الصُورِ كلِهَا.

القاعدة الرابعة والثلاثون:

"الإِشْتِغَالُ بِغَيْرِ الْمَقْصُوْدِ إِعْرَاْضٌ عَنِ الْمَقْصُوْدِ"

ولهذا لو حلف: لا يَسكنُ هذهِ الدَّارَ، وَلا يَقيمُ فِيهَا، فتردد ساعةً، حنث، وإنْ اشْتغلَ بجمْع مَتَاعِهِ، وَالتهيؤِ لأسْبَابِ النَّقْلَةِ، فلاَ.

ولَو قَالَ طَالِبُ الشفعة لِلْمشترى عِنْدَ لِقائه: بكَمْ إشتَريت؟ أو اشتريت رَخيصا؟ بطَل حَقه.

ولو كَتَبَ: أنتِ طَالِقٌ، ثُمَّ استمدَّ، فكَتَبَ: إذا جاءكَ كِتابى، فإن لَمْ يحتجْ إلى الاَستمْدادِ طلقتِ، وإلاَّ فلا.

KAEDAH KE TIGA PULUH TIGA:

<u>TIDAK DIKIRA *ZHANN* YANG NYATA SALAHNYA</u>

1. Seseorang yang menyangka bahawa ianya suci, lalu mendirikan sembahyang, kemudian ternyata yang ianya berhadas, maka solatnya tidak sah.
2. Seseorang yang menyangka bahawa waktu solat sudah masuk, lalu mendirikan solat, kemudian ternyata bahawa waktu masih lagi belum masuk, maka solatnya tidak sah.
3. Seseorang yang menyangka bahawa air itu bersih, boleh bersuci dengannya, lalu ia berwuduk dengan menggunakan air itu, kemudian ternyata air itu bernajis, maka wuduknya tidak sah.

KAEDAH KE TIGA PULUH EMPAT:

<u>MELAKUKAN PERKARA YANG BUKAN DIMAKSUDKAN BERERTI BERPALING DARIPADA MAKSUD</u>

1. Seseorang bersumpah tidak akan memasuki sesebuah rumah, kemudian dia masuk dan berlegar di dalam rumah itu buat satu tempoh masa, maka ia telah dikira melanggar sumpah tersebut. Tetapi jika ia masuk bertujuan mengambil atau memindahkan barang untuk berpindah maka perkara tersebut tidak mengapa.
2. Jika seorang rakan kongsi yang sepatutnya mempunyai hak membeli dari rakan kongsinya berkata kepada si pembeli lain ketika berjumpa: Berapa harga kamu beli? Kamu beli murah? Maka terbatallah haknya.
3. Jika seseorang menulis: "kamu tertalak..." kemudian dakwat habis, dan mengisinya. Lantas selepas itu beliau menyambung ayatnya "...Jika sampai surat ini kepada kamu". Maka jika ia tidak memerlukan dakwat baru maka tertalak isterinya serta merta, tetapi jika ia memerlukan dakwat maka tidak tertalak selagi surat itu tidak sampai kepada isterinya.

القاعدة الخامسة والثلاثون:

"لاَ يُنْكَرُ الْمُخْتَلَفُ فِيْهِ، وَإِنَّمَا يُنْكَرُ الْمُجْمَعُ عَلَيْهِ"

وَيُسْتَثْنَى صُوَرٌ، يُنْكَرُ فِيهَا الْمُخْتَلَفُ فِيهِ:

إِحْدَاهَا: أَن يَكُونَ ذَلِكَ الْمَذْهَبُ بَعِيْدُ الْمَأْخَذِ، بِحَيْثُ يَنْقُضُ، وَمِنْ ثَمَّ وَجَبَ الحَدُّ عَلَى الْمُرْتَهِنِ بِوَطْئِهِ الْمَرْهُوْنَةَ، وَلَمْ يَنْظُرْ لِخِلاَفِ عَطَاءٍ.

الثَانِيَةُ: أَنْ يَتَرَافَعَ فِيهِ لِحَاكِمٍ، فَيَحْكُمُ بِعَقِيْدَتِهِ، وَلِهَذَا يُحَدُّ الْحَنَفِيُّ بِشُرْبِ النَّبِيذِ، إِذْ لاَ يَجُوزُ لِلْحَاكِمِ أَنْ يَحْكُمَ بِخِلاَفِ مُعْتَقَدِهِ.

الثَالِثَةُ: أَنْ يَكُونَ لِلْمُنْكِرِ فِيهِ حَقٌّ، كَالزَّوْجِ يَمْنَعُ زَوْجَتَهُ مِن شُرْبِ النَّبِيذِ، إِذَا تَعْتَقِدُ إِبَاحَتَهُ، وَكَذَلِكَ الذِّمِّيَّةُ عَلَى الصَّحِيحِ.

الرَّابِعَةُ: أَنْ يَكُونَ الْفَاعِلُ مُعْتَقِدًا لِلْخَطَرِ لِذَلِكَ الْفِعْلِ، كَوَاطِئِ رَجْعِيَّتِهِ فَيُعْذَرُ. وَاللهُ أَعْلَمُ.

KAEDAH KE TIGA PULUH LIMA:

TIDAK DIINGKARI PERBUATAN YANG DIPERSELISIHKAN, APA YANG DIINGKARI IALAH SUATU YANG DISEPAKATI.

Terdapat beberapa pengecualaian di sini, di mana ada perkara-perkara yang diperselisihkan yang seharusnya diingkari:

1. Mazhab yang diperselisahkan itu terlalu lemah dalilnya, maka ia seharusnya diketepikan, oleh itu wajiblah dikenakan had zina ke atas pemegang gadaian yang bersetubuh dengan hamba perempuan yang digadaikan kepadanya. Maka pendapat Ata' itu tidaklah dilihat dan diambil kira.

2. Sesuatu kes dibawa kehadapan hakim, maka hakim itu menjatuhkan hukuman berdasarkan pegangan mazhabnya. Oleh itulah jika hakim itu bermazhab Hanafi maka ia akan menjatuhkan hukuman sebatan ke atas peminum perahan anggur atau nabiz. Hal tersebut kerana hakim tidak seharusnya menjatuhkan hukuman yang bercanggah dengan pegangan mazhabnya.

3. Jika orang mengingkari itu ada hak. Seperti seorang suami yang melarang isterinya-yang beriqtikad atau berpendirian bahawa minum nabiz itu harus-daripada meminumnya, yakni nabiz, begitu juga dengan zimmiyah menurut *Qaul yang Sahih*.

4. Si pelaku rasa takut dengan melakukannya seperti merujuk semula isterinya yang tertalak *rajie* dengan berjimak. (mazhab Hanafi)

القاعدة السادسة والثلاثون:

"يَدْخُلُ الْقَوِيُّ عَلَى الضَّعِيفِ، وَلاَ عَكْسُ"

وَلِهذا يَجُوزُ إِدْخَالُ الحَجّ عَلَى العُمْرَةِ قَطْعًا، وَلا عَكْسَهُ على الأَظْهَرِ. وَلَوْ وَطِئَ أَمَةً، ثُمَّ تزَوَّجَ أُخْتَهَا ثَبَتَ نِكَاحُهَا، وَحَرُمَتْ الْأَمَةُ، لِأَنَّ الوَطْءَ بِفِرَاشِ النِّكَاحِ أَقْوَى مِنْ مِلْكِ الْيَمِينِ.

وَلَوْ تَقَدَّمَ النِكَاحُ، حَرُمَ عَلَيْهِ الوَطْءُ بِالْمِلْكِ، لِأَنَّهُ أَضْعَفُ الفَرَاشَيْنِ.

KAEDAH KE TIGA PULUH ENAM:

YANG KUAT MENCAKUPI YANG LEMAH, SEBALIKNYA TIDAK

1. Harus memasukkan ibadat haji ke dalam umrah secara Qatie (atau dipanggil haji *Qiran*), adapun sebaliknya tidak boleh menurut *Qaul* yang *Azhar*.

2. Jika seseorang menyetubuhi seorang hamba perempuan, kemudian ia berkahwin dengan saudara perempuan kepada hamba perempuan tersebut, maka sabitlah nikahnya, dan haram selepas itu ia menyetubuhi hamba perempuan miliknya tadi. Hal tersebut kerana akad perkahwinan adalah lebih kuat dan lebih kukuh berbanding hamba atau milik *al-yamin*.

3. Begitu juga, sekiranya lelaki tersebut mengadakan akad perkahwinan terlebih dahulu, menjadi haram terhadapnya menyetubuhi hamba atau milik *al-yamin* saudara perempuan kepada isterinya. Hal tersebut kerana hamba milik *al-yamin* lebih lemah daripada akad perkahwinan.

القاعدة السابعة والثلاثون:

"يُغْتَفَرُ فِي الْوَسَائِلِ مَالاَ يُغْتَفَرُ فِي الْمَقَاصِدِ"

ومن ثم جزم بمنع توقيت الضمان، وجرى في الكفالة خلاف، لأن الضمان التزام للمقصود، وهو المال، والكفالة التزام للوسيلة، ويغتفر في المسائل ما لا يغتفر في المقاصد.

وكذلك لم تختلف الأمة في إيجاب النية في الصلاة، واختلفوا في الوضوء. ومن فروعها: عدم حرمة السفر ليلة الجمعة، لأن السفر ليلتها وسيلة فلا يحرم، وترك الجمعة مقصودة فيحرم.

ومنها: عدم حرمة بيع مال الزكاة قبل الحول، لأن البيع وسيلة لترك الزكاة، فاغتفر فيه.

KAEDAH KE TIGA PULUH TUJUH:

DIMAAFKAN PADA WASILAH APA YANG TIDAK DIMAAFKAN PADA TUJUAN

Oleh itulah, ditegaskan bahawa ditegah membataskan masa *al-Dhaman* atau jaminan ganti rugi. Sementara dalam masalah *kafalah* atau jaminan dan akuan, ulama berselisih pendapat. Hal itu kerana *al-Dhaman* atau jaminan ganti rugi itu merupakan tujuan; iaitu harta. Manakala *al-Kafalah* merupakan wasilah sahaja. Dimaafkan pada wasilah apa yang tidak dimaafkan pada tujuan.

Oleh sebab itu, tidak ada khilaf di kalangan ulama berhubung wajib niat untuk solat. Manakala dalam masalah wudhuk ulama berselisih pendapat pada wajibnya niat. Perkara ini kerana solat itu tujuan manakala wudhuk pula wasilah.

Seorang yang keluar musafir pada malam jumaat atas niat meninggalkan solat jumuat. Perbuatan keluar musafir pada malam hari jumaat itu tidak haram, tetapi meninggalkan solat jumuat dalam kes ini hukumnya adalah haram. Hal tersebut kerana keluar musafir pada malam jumaat itu adalah dipanggil wasilah dan meninggalkan solat jumaat keesokan harinya itu adalah tujuan atau matlamat pada perbuatan keluar musafir pada malam jumuat tadi.

Tidak haram menjual harta zakat sebelum cukup Haul, kerana jual itu adalah wasilah kepada tidak mengeluarkan zakat, maka ia dimaafkan.

القاعدة الثامنة والثلاثون:

"الْمَيْسُوْرُ لاَ يَسْقُطُ بِالْمَعْسُوْرِ"

قَالَ ابْنُ السُّبْكِي: وَهِيَ مِنْ أَشْهَرِ الْقَوَاعِدِ الْمُسْتَنْبَطَةِ مِنْ قَوْلِهِ ﷺ: إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَائْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ".

وَبِهَا رَدَّ أَصْحَابُنَا عَلَى أَبِي حَنِيْفَةَ قَوْلَهُ: "إِنَّ الْعُرْيَانَ يُصَلِّي قَاعِدًا"، فَقَالُوا: إِذَا لَمْ يَتَيَسَّرْ سِتْرُ الْعَوْرَةِ فَلَمْ يَسْقُطِ الْقِيَامُ الْمَفْرُوْضُ.

وَذَكَرَ الإِمَامُ إِنَّ هَذِهِ الْقَاعِدَةِ مِنَ الأُصُوْلِ الشَّائِعَةِ الَّتِي لاَ تَكَادُ تُنْسَى مَا أُقِيْمَتْ أُصُوْلُ الشَّرِيْعَةِ.

وَفُرُوْعِهَا كَثِيْرَةٌ: مِنْهَا: إِذَا كَانَ مَقْطُوْعَ بَعْضِ الأَطْرَافِ يَجِبُ غَسْلُ الْبَاقِي جَزْمًا. وَمِنْهَا: الْقَادِرُ عَلَى بَعْضِ السُّتْرَةِ يَسْتُرُ بِهِ الْقَدْرَ الْمُمْكِنَ جَزْماً. وَمِنْهَا: الْقَادِرُ عَلَى بَعْضِ الْفَاتِحَةِ يَأْتِي بِلاَ خِلاَفٍ.

KAEDAH KE TIGA PULUH LAPAN:

PERKARA MUDAH DILAKUKAN TIDAK GUGUR DENGAN SEBAB KESUKARAN

Memetik kata Imam Subki: Ia adalah antara kaedah masyhur yang diterbitkan daripada hadis Nabi S.A.W.: "*Apabila aku perintahkan sesuatu kepada kamu, kerjakanlah perintah itu menurut kemampuan kamu*".

Berdasarkan kaedah inilah para ulama Mazhab Syafie menyangkal pendapat Imam Abu Hanifah, di mana beliau berpendapat bahawa orang yang telanjang mengerjakan solat wajib dengan cara duduk. Pendapat itu disangkal dengan kenyataan bahawa meskipun ia tidak boleh menutup aurat, kewajipan berdiri ketika mengerjakan solat fardhu tetap tidak gugur.

Antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Seseorang yang terputus jari -secara *jazam*- wajib membasuh bahagian yang masih lagi tinggal itu.
2. Seseorang yang hanya mampu menutup sebahagian auratnya -secara *jazam*- hendaklah menutup bahagian yang termampu itu.
3. Tidak mampu membaca keseluruhan Fatihah, bacalah sebahagian yang mampu.

القاعدة التاسعة والثلاثون:

"مَالاَ يَقْبَلُ التَّبْعِيْضَ، فَاخْتِيَاْرُ بَعْضِهِ كَاخْتِيَاْرِ كُلِّهِ، وَإِسْقَاْطُ بَعْضِهِ كَإِسْقَاْطِ كُلِّهِ"

ومن فروعها: إذا قال: أَنْتِ طَالِقٌ نِصْفَ طَلْقَةٍ، أَوْ بَعْضُكِ طَالِقٌ، طَلَقَتْ طَلْقَةً.

ومنها: إذا عَفَا مُسْتَحِقُّ القِصَاصِ عَنْ بَعْضِه، أو عَفا بَعْضُ المُسْتَحِقِّين، سَقَطَ كُلُّه.

ومنها: إذا كَفَلَ الكَفِيلُ رُبُعَ الشَّخْصِ، كانَ كفيلا بِالشخصِ لِعدَمِ إمكانِ التَجْزِئةِ.

KAEDAH KE TIGA PULUH SEMBILAN:

<u>SESUATU YANG TIDAK DAPAT DIBAHAGI; MELAKSANAKAN SEBAHAGIANNYA SEPERTI MELAKSANAKAN KESELURUHANNYA. MENGGUGUR SEBAHAGIANNYA SEPERTI MENGGUGUR KESELURUHANNYA.</u>

Antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Jika ia berkata: Awak tertalak separuh talak, atau separuh dari awak tertalak, maka jatuhlah satu talak atau *rajiyyah wahidah.*

2. Seorang wali atau yang hendak memberi kemaafan berkaitan perkara *qisas* telah memaafkan separuh dari diri pesalah yang dikenakan *qisas* dikira memaafkan keseluruhannya, atau memaafkan sebahagian dari mereka yang dikenakan qisas, maka terjatuh kesemuanya.

3. Jika seorang menjamin satu perempat dari seseorang, maka ia dikira menjamin keseluruhannya.

4 * طالق تيدق بوليه دبهاݢيكن، مثال جريكن هندوغ استري، مك جاتوه حكم ڤد ديري ساكوروڠ توبوه استري، جري سبايكڽ جاتوه سموا.

القاعدة الأربعون:

"إِذَا اجْتَمَعَ السَّبَبُ أَوِ الْغُرُوْرُ وَالْمُبَاْشَرَةُ، قُدِّمَتِ الْمُبَاْشَرَةُ"

مِنْ فُرُوْعِهَا:

لَوْ أَكَلَ المَالِكُ طَعَامَهُ المَغْصُوبَ جَاهِلاً بِهِ فَلَا ضَمَانَ عَلَى الغَاصِبِ فِي الأَظْهَرِ. وَكَذَا لَوْ قَدَّمَهُ الغَاصِبُ لِلمَالِكِ عَلَى أَنَّهُ ضِيَافَةٌ فَأَكَلَهُ، فَإِنَّ الغَاصِبَ يَبْرَأُ.

وَلَوْ حَفَرَ بِئْرًا فَرَدَّاهُ فِيهَا آخَرُ، أَوْ أَمْسَكَهُ، فَقَتَلَهُ آخَرُ، أَوْ أَلْقَاهُ مِنْ شَاهِقٍ، فَتَلَقَّاهُ آخَرُ فَقَدَّهُ، فَالقِصَاصُ عَلَى المُرَدِّي، وَالقَاتِلِ، وَالقَادِّ فَقَطْ.

KAEDAH KE EMPAT PULUH:

APABILA BERKUMPUL ANTARA SEBAB, PENIPUAN DAN TINDAKAN LANGSUNG, DIDAHULUKAN TINDAKAN LANGSUNG

Antara hukum furu' yang terbentuk daripada kaedah ini ialah:

1. Jika seseorang pemilik memakan makanannya yang dirampas, sedang ia tidak mengetahuinya, maka tidak dikenakan ganti rugi ke atas orang yang merampas itu menurut *Qaul* yang *Azhar*.

2. Begitu juga jika makanan yang dirampas itu dihidangkan kepada pemiliknya atas dasar melayan tetamu, lalu ia makan, maka si perampas itu bebas.

3. Jika seseorang menggali telaga, kemudian datang seorang yang lain menjatuhkan seseorang ke dalam telaga itu. Atau seseorang mengikat seseorang, kemudian datang seorang yang lain membunuh orang yang diikat itu. Atau seorang mencampak seseorang dari tempat tinggi, kemudian datang orang lain menikamnya. Maka *qisas* dikenakan ke atas orang yang menjatuhkan, orang yang membunuh, dan orang yang menikam sahaja.